



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PERATURAN AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH SECARA PENYELIDIKAN

EDISI KEENAM / *SIXTH EDITION*

*ACADEMIC REGULATIONS
FOR GRADUATE STUDIES BY RESEARCH
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN*



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PERATURAN AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH SECARA PENYELIDIKAN

*ACADEMIC REGULATIONS
FOR GRADUATE STUDIES BY RESEARCH
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN*

EDISI KEENAM
SIXTH EDITION

PUSAT PENGAJIAN PASCASISWAZAH
CENTRE FOR POSTGRADUATE STUDIES

Hak Cipta Terpelihara / *All Rights Reserved*

© Pusat Pengajian Siswazah / *Centre for Postgraduate Studies, 2025*

Hak cipta terpelihara. Tidak ada bahagian daripada dokumen ini yang boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem yang boleh dicapai semula, atau dipindahkan ke dalam sebarang bentuk melalui apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, mekanikal, penduaan, rakaman, atau cara lain tanpa mendapat keizinan bertulis daripada Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Malaysia Kelantan.

All rights are reserved. No part of this document may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form by any means, either electronic, mechanical, photocopying, recording, or otherwise, without written permission from the Centre for Postgraduate Studies, Universiti Malaysia Kelantan.

Edisi Pertama / <i>First Edition</i> :	Tidak Bertarikh/ <i>Undated</i>
Edisi Kedua / <i>Second Edition</i>	: 2011
Edisi Ketiga / <i>Third Edition</i>	: 2013
Edisi Keempat / <i>Fourth Edition</i>	: 2017
Edisi Kelima / <i>Fifth Edition</i>	: 2022
Edisi Keenam/ <i>Sixth Edition</i>	: 2025

Pusat Pengajian Siswazah

Centre for Postgraduate Studies

City Campus, Pengkalan Chepa, 16100 Kota Bharu, Kelantan

Tel : +609-7717145/ 7049

Faks : +609-7717162

Emel : siswazah@umk.edu.my

FB : Centre for Postgraduate StudiesWeb

<http://cps.umk.edu.my/>



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
Tadrisulma - Dinastiulma - Leluhur

”

Menjadi pelajar pascasiswazah bererti belajar mengurus masa, emosi dan ego dalam satu nafas yang sama.



ISI KANDUNGAN

TABLE OF CONTENT

Bil. No.	Kandungan Content	Halaman Page
	Prakata <i>Preface</i>	10
1.0	AWALAN / PRELIMINARY	12
1.1	Petikan <i>Citation</i>	12
1.2	Glosari <i>Glossary</i>	13
2.0	PROGRAM PENGAJIAN / STUDY PROGRAMME	24
2.1	Program Ijazah <i>Degree Programme</i>	24
2.2	Keperluan Ijazah <i>Degree Requirements</i>	26
3.0	KEMASUKAN / ADMISSION	28
3.1	Keperluan <i>Requirements</i>	28
3.2	Perpindahan Pelajar <i>Transfer of Student</i>	36

3.3	Tawaran Kemasukan <i>Admission Offer</i>	38
3.4	Penangguhan Kemasukan <i>Deferment of Admission</i>	38
3.5	Sekatan Kemasukan <i>Admission Restriction</i>	39
4.0	PENDAFTARAN / REGISTRATION	40
4.1	Keperluan Am <i>General Requirements</i>	40
4.2	Pendaftaran Pelajar Baharu <i>Registration of New Students</i>	41
4.3	Pendaftaran Pelajar Kanan <i>Registration of Senior Students</i>	42
5.0	YURAN / FEES	44
5.1	Pembayaran Yuran <i>Payment of Fee</i>	44
5.2	Pemulangan dan Pengecualian Yuran <i>Refund and Exemption of Fees</i>	47
6.0	PENCALONAN / CANDIDATURE	49
6.1	Tempoh Pengajian <i>Duration of Study</i>	49
6.2	Syarat Pemastautin Akademik <i>Academic Residential Requirements</i>	52

6.3	Penukaran Status Tawaran Kemasukan <i>Conversion of Admission Offer Status</i>	53
6.4	Pertukaran Status Pengajian <i>Change of Study Status</i>	54
6.5	Penukaran Mod/ Program/ Bidang Pengajian <i>Change of Mode/ Programme/ Field of Study</i>	56
6.6	Pelanjutan Tempoh Pengajian <i>Extension of Study Duration</i>	59
6.7	Penangguhan Pengajian <i>Deferment of Study</i>	60
6.8	Penarikan Diri Pengajian <i>Study Withdrawal</i>	61
6.9	Penggantungan Pencalonan <i>Suspension of Candidature</i>	61
6.10	Penamatan Pengajian <i>Termination of Study</i>	62
6.11	Etika Penyelidikan <i>Research Ethics</i>	67

7.0	PEMANTAUAN PENGAJIAN / MONITORING OF STUDY	70
------------	---	-----------

7.1	Keperluan Kursus <i>Course Requirements</i>	70
7.2	Penyeliaan <i>Supervision</i>	74

7.3	Penilaian Cadangan Penyelidikan <i>Proposal Defense</i>	81
7.4	Pra Peperiksaan Lisan <i>Pre Viva Voce</i>	88
7.5	Mekanisme Pemantauan Lain <i>Other Monitoring Mechanisms</i>	89
7.6	Kemajuan Pengajian <i>Progress of Study</i>	90

8.0	PEMERIKSAAN TESIS DAN PEPERIKSAAN LISAN / THESIS EXAMINATION AND VIVA VOCE	93
------------	---	-----------

8.1	Tesis <i>Thesis</i>	93
8.2	Penyerahan Tesis <i>Thesis Submission</i>	96
8.3	Pemeriksaan Tesis <i>Thesis Examination</i>	98
8.4	Peperiksaan Lisan <i>Viva Voce</i>	108
8.5	Penyerahan Tesis Akhir <i>Submission of Final Thesis</i>	111

9.0	PENGIJAZAHAN / GRADUATION	113
9.1	Keperluan Pengijazahan <i>Graduation Requirements</i>	113
9.2	Skrol dan Transkrip <i>Scroll and Transcript</i>	118
10.0	KENYATAAN UMUM GENERAL STATEMENT	120
10.1	Pemakaian Peraturan <i>Application of Regulation</i>	120
10.2	Penafian <i>Disclaimer</i>	121
	Rujukan <i>References</i>	123
	Jawatankuasa Semakan Peraturan Akademik Pengajian Siswazah 2025	125

Prakata

Assalamualaikum wrt dan Salam Sejahtera.

Assalamualaikum wrt and Greetings.

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT atas limpahan rahmat dan petunjuk-Nya, Peraturan Akademik Pengajian Siswazah secara Penyelidikan 2025 Edisi Keenam ini berjaya disiapkan dan diterbitkan untuk kegunaan semua pihak berkepentingan.

All praise and gratitude to Allah SWT for His blessings and guidance, the Sixth Edition of the Academic Regulations for Graduate Studies by Research 2025 has been successfully completed and published for the benefit of all stakeholders.

Buku peraturan Edisi Keenam ini telah ditambahbaik dengan mengambil kira keperluan semasa program dan penambahbaikan berterusan dalam pengurusan pengajian siswazah secara penyelidikan. Buku peraturan ini mengandungi peraturan akademik terkini yang perlu dipatuhi oleh pelajar, staf akademik, dan pentadbiran Universiti Malaysia Kelantan bermula Semester September 2025/2026.

This Sixth Edition has been enhanced by considering current programme needs and continuous improvements in the management of graduate studies by research. It contains the latest academic regulations that must be adhered to by students, academic staff, and administrators of Universiti Malaysia Kelantan, effective from the September Semester of the 2025/2026 Academic Session.

Tujuan utama buku peraturan ini adalah untuk menjadi panduan rasmi dan rujukan utama dalam pelaksanaan, pemantauan, dan penilaian pengajian siswazah secara penyelidikan di Universiti Malaysia Kelantan. Ia juga bertujuan memastikan pematuhan terhadap dasar akademik semasa serta menjamin integriti dan kualiti program pengajian.

The main aim of this regulation book is to serve as the official guide and principal reference for the implementation, monitoring, and evaluation of graduate studies by research at Universiti Malaysia Kelantan. It also ensures compliance with current academic policies while safeguarding the integrity and quality of postgraduate programmes.

Penyediaan buku peraturan ini telah dibantu oleh Jawatankuasa Semakan Peraturan Akademik Pengajian Siswazah dan melibatkan kerjasama pelbagai pihak melalui bengkel, perbincangan, dan semakan teknikal di peringkat Pusat Pengajian Siswazah dan Universiti. Buku peraturan ini telah diluluskan oleh Senat Universiti Malaysia Kelantan dalam Mesyuarat Bil. 5/2025 (Kali Ke-171) pada 10 Julai 2025.

The preparation of this regulation book was supported by the Review Committee of Academic Regulations for Graduate Studies and involved collaborative efforts through workshops, discussions, and technical reviews at the Centre for Postgraduate Studies and University level. This regulation book was approved by the Senate of Universiti Malaysia Kelantan in Meeting No. 5/2025 (171st Session) on 10 July 2025.

Bagi pihak Pusat Pengajian Siswazah, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan buku peraturan ini. Semoga peraturan ini menjadi rujukan utama dalam memastikan kelancaran, ketelusan, dan kecemerlangan pengurusan pengajian siswazah secara penyelidikan di UMK.

On behalf of the Centre for Postgraduate Studies, I would like to express my deepest appreciation and gratitude to all who contributed directly or indirectly to the development of this regulation book. It is our hope that this regulation will serve as a key reference to ensure the smooth, transparent, and excellent management of graduate studies by research at UMK.

Pihak kami amat mengalu-alukan sebarang maklumbalas daripada semua pihak berkepentingan bagi tujuan penambahbaikan kandungan dan penyampaian dokumen ini pada masa akan datang.

We warmly welcome any feedback from all relevant stakeholders for the purpose of improving the content and presentation of this document in the future.

Terima kasih.

Thank you.

PROF. MADYA DR. NOOR AZLINA BINTI IBRAHIM

Pengerusi/ *Chairman*

Jawatankuasa Semakan Peraturan Akademik

Pengajian Siswazah 2025



**PERATURAN AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH
SECARA PENYELIDIKAN, UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN 2025**
*ACADEMIC REGULATIONS FOR GRADUATE STUDIES
BY RESEARCH, UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN 2025*

1.0 AWALAN
PRELIMINARY

1.1 Petikan
Citation

Peraturan ini hendaklah dipetik sebagai Peraturan Akademik Pengajian Siswazah Secara Penyelidikan, Universiti Malaysia Kelantan.

This Regulation shall be cited as Academic Regulations for Graduate Studies by Research, Universiti Malaysia Kelantan.

1.2 Glosari / Glossary

- 1.2.1 Dalam Peraturan ini, kecuali jika dinyatakan sebaliknya, setiap perkataan atau istilah didefinisikan seperti berikut:
In this Regulation, unless stated otherwise, each word or term is defined as follows:

Badan Berkuasa
Authorised Body

Kementerian dan agensi yang berkenaan, termasuk Kementerian Pengajian Tinggi, Agensi Kelayakan Malaysia, Senat Universiti, badan profesional atau organisasi lain yang berkaitan dengan pengajian tinggi.

Relevant ministry and agency, including the Ministry of Higher Education, the Malaysian Qualifications Agency, the University's Senate, professional body or any other organisations related to higher education.

Cadangan Penyelidikan
Research Proposal

Sebuah dokumen rasmi berstruktur yang menjelaskan rancangan apa yang akan diselidiki (topik, tajuk, persoalan, objektif), mengapa diselidiki (justifikasi/ pernyataan masalah), dan bagaimana diselidiki (pengumpulan data, analisis data, rancangan penyelidikan) bagi seseorang pelajar.

A structured, formal document that explains plans of what to research (topic, title, questions, objectives), why to research (justification/ problem statement), and how to research it (data collection, data analysis, research plan) of a student.

Calon
Candidate

Seorang individu yang telah mendaftar sebuah program pengajian secara sepenuh masa atau separuh masa dan menduduki (lulus atau tidak) Penilaian Cadangan Penyelidikan.

A full-time or part-time individual person who has enrolled into a study programme and sat (passed or not) for Proposal Defense.

**Entiti
Akademik**
*Academic
Entity*

Fakulti, pusat, sekolah, unit atau nama lain di sesebuah Pemberi Pendidikan Tinggi yang diluluskan oleh Badan Berkuasa untuk menawarkan program pengajian.

Faculty, centre, school, unit, or any other names of a Higher Education Provider approved by the Authorised Body to offer study programme.

**Ijazah
Kedoktoran**
*Doctoral
Degree*

Program pengajian pada Tahap 8 mengikut Kerangka Kelayakan Malaysia yang melibatkan seseorang pelajar menjalankan penyelidikan asli dan memberi sumbangan besar kepada ilmu pengetahuan baharu dan/ atau amalan dalam sesuatu bidang pengajian. Doktor Falsafah adalah salah satu Ijazah Kedoktoran.

A Level-8 study programme of the Malaysian Qualifications Framework where a student carries out an original research which contributes significantly to new knowledge and/ or practice in a field of study. Doctor of Philosophy is one of the Doctoral Degrees.

Ijazah Sarjana
*Master's
Degree*

Program pengajian pada Tahap 7 mengikut Kerangka Kelayakan Malaysia yang melibatkan seseorang pelajar menjalankan penyelidikan asli dan memberi sumbangan kepada ilmu pengetahuan dan/ atau amalan yang baharu dalam sesuatu bidang pengajian.

A Level-7 study programme of the Malaysian Qualifications Framework where a student carries out an original research which contributes to new knowledge and/ or practice in a field of study.

Kerja Kursus
Coursework

Unit pengajian yang dikenal pasti dalam bidang dan/ atau amalan yang dijalani oleh seseorang pelajar dalam tempoh yang diberi dan ditaksir sebagai sebahagian daripada program pengajian.
Identifiable units of study in a field and or practice undertaken by a student within a given period, which is assessed as an integral part of study programme.

Laporan Kemajuan
Progress Report

Sebuah dokumen kemajuan pengajian secara berkala seseorang pelajar yang biasanya diserahkan pada setiap hujung semester.
A document of progress report of study of a student which is normally submitted at the end of each semester.

Pelajar
Student

Seseorang yang mendaftar dengan sebuah program pengajian, tetapi belum menduduki Penilaian Cadangan Penyelidikan. "Pelajar" juga digunakan dalam konteks umum.
A person who has enrolled into a study programme, but has not sat for Proposal Defense yet. "Student" is also used in general context.

Pelajar Tajaan/ Dibiayai
Sponsored/ Funded Student

Seseorang pelajar yang menerima bantuan kewangan daripada individu, organisasi atau agensi yang diperakui oleh pihak Universiti.
A student who receives financial assistance from any individual, organization or agency recognised by the University.

Pemberi Pendidikan Tinggi
Higher Education Provider

Sesebuah universiti, badan, korporat, organisasi atau institusi awam atau swasta lain yang menjalankan program pengajian tinggi atau latihan dan membawa kepada penganugerahan kelayakan/ ijazah tinggi.
A public or private university, body, corporate, organisation or other institutions which conducts

Pemberi Pendidikan Tinggi Yang Berkolaborasi
Collaborating Higher Education Provider

higher education or training programmes leading to the award of higher qualification/ degree.

Universiti dan rakan kolaborasi yang bekerjasama, terutama dalam menawarkan Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda.

The University and its collaborator(s) that have collaboration, particularly in offering Joint, Dual, and/ or Double Degree Programme.

Asal
Home

Pihak Universiti/ Universiti Malaysia Kelantan.
The University/ Universiti Malaysia Kelantan.

Tuan Rumah
Host

Pihak Pemberi Pendidikan Tinggi lain yang berkolaborasi dengan pihak Universiti.
Other Higher Education Provider collaborating with the University.

Pemeriksa Dalam
Internal Examiner

Seseorang staf akademik Universiti yang berkelayakan/ diperakui dalam bidang dan/ atau amalan berkaitan dan dilantik untuk memeriksa tesis dan prestasi lisan seseorang calon.
A qualified/ acknowledged academic staff of the University in a relevant field who is appointed to examine a thesis and oral performance of a candidate.

Pemeriksa Luar
External Examiner

Seseorang pakar yang berkelayakan/ diperakui dalam bidang dan/ atau amalan berkaitan dari luar Universiti yang dilantik untuk memeriksa tesis dan prestasi lisan seseorang calon.
A qualified/ acknowledged expert in a relevant field of study and/ or practice external to the University

**Peperiksaan
Lisan**
Viva Voce

who is appointed to examine a thesis and oral performance of a candidate.

Suatu penilaian tesis dan prestasi lisan calon.
A thesis evaluation and oral performance of a candidate.

**Graduasi
Tepat Masa
Pengambilan**
*Intake
Graduation on
Time (iGoT)*

Peratusan pelajar sepenuh masa daripada suatu kumpulan pengambilan kemasukan bagi sesebuah program pengajian yang bergraduasi tepat pada masa atau sebelum tahun mereka ditetapkan bergraduasi oleh Senat.

The percentage of full-time students from a particular enrolment batch of a study programme who graduate on or before the year that they are prescribed to graduate by the Senate.

**Penilaian
Cadangan
Penyelidikan**
*Proposal
Defense*

Suatu sesi penilaian lisan untuk menilai kesesuaian cadangan penyelidikan dan kemampuan seseorang calon menjalankan penyelidikan secara sarjana.

An oral review session in order to assess the merits of a research proposal and the ability of a candidate to conduct their research in a scholarly manner.

Penyelia
Supervisor

Seseorang staf akademik yang berkelayakan, dilatih dan dilantik oleh pihak Universiti serta bertanggungjawab kepada penyeliaan penyelidikan dan pengajian seseorang pelajar.

An appropriately qualified, trained and appointed academic staff of the University who takes responsibility for supervision of a student's research and study.

**Penyelia
Bersama**
Co-Supervisor

Seseorang staf akademik yang berkelayakan, dilatih dan dilantik oleh pihak Universiti untuk membantu penyeliaan penyelidikan dan pengajian seseorang pelajar.

An appropriately qualified, trained and appointed academic staff of the University who assists in supervising a student's research and study.

**Penyelia
Lapangan**
*Field
Supervisor*

Seseorang individu atau pengamal daripada industri yang mempunyai kelayakan, pengalaman luas, dan kepakaran dalam bidang berkaitan dan dilantik oleh pihak Universiti untuk membantu seseorang pelajar menjalankan penyelidikan di lapangan, tapak, atau organisasi.

An appropriately qualified person or practitioner from the industry who has substantial experience or expertise in relevant areas and is appointed by the University to assist a student in undertaking research on the field, site, or in organisation.

Penyelia Luar
*External
Supervisor*

Seseorang staf akademik yang berkelayakan daripada Pemberi Pendidikan Tinggi lain dan dilantik oleh pihak Universiti bagi membantu penyeliaan penyelidikan dan pengajian seseorang pelajar.

An appropriately qualified and appointed person from other Higher Education Provider who assists in the supervision of a student's research and study.

**Penyelia
Utama**
*Principal
Supervisor*

Seseorang staf akademik yang berkelayakan, dilatih dan dilantik oleh pihak Universiti serta mengambil tanggungjawab utama dalam penyeliaan penyelidikan dan pengajian seseorang pelajar.

An appropriately qualified, trained and appointed academic staff of the University who takes primary

Pencalonan <i>Candidature</i>	<p>Tempoh pendaftaran sebagai pelajar pengajian siswazah. <i>The period of enrolment as graduate student.</i></p>
Pra Peperiksaan Lisan <i>Pre Viva Voce</i>	<p>Satu sesi peperiksaan lisan calon sebelum Peperiksaan Lisan yang sebenar. <i>An oral review or defense of a candidate prior to actual Viva Voce.</i></p>
Program Ijazah/ Pengajian <i>Degree/ Study Programme</i>	<p>Program Ijazah atau pengajian adalah digunakan secara bersilih ganti. Ia merujuk kepada pengajian lanjutan dalam bidang pengajian yang khusus dan diikuti selepas seseorang memperoleh Ijazah Sarjana Muda. Ini termasuk Program Sarjana, Doktor Falsafah, atau Ijazah Kedoktoran secara Penyelidikan yang lain. <i>Degree or study programme is used interchangeably. It is an advanced study programme in a specialized field of study, pursued after one has already obtained a Bachelor's Degree. This includes Master's, Doctor of Philosophy or other Doctoral Degree Programme by Research.</i></p>
Program Ijazah Berganda <i>Double Degree Programme</i>	<p>Dua buah program pengajian dalam bidang yang berbeza dan melibatkan kolaborasi dalam Universiti atau di antara Universiti dan Pemberi Pendidikan Tinggi bagi pengurniaan ijazah yang setanding dan membawa kepada penganugerahan dua ijazah/ skrol oleh pihak yang bekerjasama. <i>A two-study programme in different fields which involves a collaboration within the University or between the University and a degree-granting Higher Education Provider of equal standing in program</i></p>

**Program
Ijazah Dual**
*Dual Degree
Programme*

offering, leading to the conferment of two degrees/ scrolls by the collaborators.

Dua buah program pengajian dalam bidang yang sama atau hampir sama dan melibatkan kolaborasi di antara Universiti dan Pemberi Pendidikan Tinggi bagi pengurniaan ijazah yang setanding dan membawa kepada penganugerahan dua ijazah/ skrol oleh pihak yang bekerjasama.

A two-study programme in the same or similar fields which involves a collaboration between the University and a degree-granting Higher Education Provider of equal standing in program offering, leading to the conferment of two degrees/ scrolls by the collaborators.

**Program
Ijazah
Bersama**
*Joint Degree
Programme*

Sebuah program pengajian yang melibatkan kolaborasi di antara Universiti dan sebuah atau lebih Pemberi Pendidikan Tinggi bagi pengurniaan ijazah yang setanding dalam pembangunan dan penawaran program dan membawa kepada penganugerahan satu ijazah/ skrol oleh pihak yang bekerjasama.

A study programme involving a collaboration between the University and one or more degree-granting Higher Education Provider of equal standing in program development and offering, leading to the conferment of a degree/ scroll by the collaborators.

**Program
Ijazah Dual**
*Dual Degree
Programme*

Dua buah program pengajian dalam bidang yang sama atau hampir sama dan melibatkan kolaborasi di antara Universiti dan Pemberi Pendidikan Tinggi bagi pengurniaan ijazah yang setanding dan membawa kepada penganugerahan dua ijazah/ skrol oleh pihak yang bekerjasama.

	<p><i>A two-study programme in the same or similar fields which involves a collaboration between the University and a degree-granting Higher Education Provider of equal standing in program offering, leading to the conferment of two degrees/ scrolls by the collaborators.</i></p>
<p>Program Ijazah Konvensional <i>Conventional Degree Programme</i></p>	<p>Program pengajian yang ditawarkan oleh Universiti tanpa melibatkan kerjasama penawaran ijazah dengan Pemberi Pendidikan Tinggi lain.</p> <p><i>A study programme offered by the University without collaboration in degree offering with other Higher Education Provider.</i></p>
<p>Program Ijazah Industri <i>Industrial Degree Programme</i></p>	<p>Program pengajian yang ditawarkan oleh universiti yang membolehkan calon melaksanakan penyelidikan di organisasi atau industri. Program ini memberi peluang kepada calon untuk menyumbang kepada penyelesaian isu industri melalui penyelidikan yang relevan dan berimpak tinggi.</p> <p><i>A study programme offered by the University in which candidates conduct research within an organization or industry. This programme enables candidates to contribute to the resolution of industry-related issues through relevant and high-impact research.</i></p>
<p>Rakan Kolaborasi <i>Collaborator</i></p>	<p>Pemberi Pendidikan Tinggi luar yang terlibat dalam program ijazah dan/ atau dengan pelajar.</p> <p><i>External Higher Education Provider involved in degree programme and/ or with students.</i></p>
<p>Senat <i>Senate</i></p>	<p>Badan akademik Universiti yang tertinggi dan tertakluk kepada Perlembagaan, statut, peraturan, dan regulasi serta mempunyai kawalan dan arahan umum terhadap pengajaran, penyelidikan</p>

dan peperiksaan, dan penganugerahan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain.

The highest academic body of the University and is subject to the provisions of the Constitution, the statutes, rules, and regulations which has the authority to assert control and set general direction for teaching, research, and examination, as well as the awarding of degrees, diplomas, certificates, and other academic distinctions.

**Staf
Akademik**

Academic Staff

Kakitangan (termasuk felo penyelidik) yang dilantik oleh Universiti dan terlibat dalam aktiviti akademik (pengajaran, penyeliaan, penyelidikan dan sebagainya).

Personnel (including research fellows) engaged by the University who is involved in academic activities (teaching, supervision, research etc).

Tesis

Thesis

Sebuah karya atau dokumen keserjanaan rasmi berhubung kerja penyelidikan asal yang berstruktur dan bertulis serta disedia dan diserahkan oleh seseorang calon bagi memenuhi program pengajian secara penyelidikan. Dalam Peraturan ini, tesis adalah termasuk disertasi, konspektus atau nama lain yang dibenarkan oleh Badan Berkuasa.

A scholarly-structured written piece or formal document of original research work prepared and submitted by a candidate to fulfil their study programme by research. In this Regulation, thesis includes dissertation, conspectus or any other names allowed by the Authorised Body.

Universiti
(The)
University

Universiti Malaysia Kelantan.
Universiti Malaysia Kelantan.

Yuran
Semester
Semester Fee

Sejumlah yuran, termasuk yuran pengajian dan yuran lain yang dikenakan oleh pihak Universiti pada setiap semester.
A lump sum fee, including tuition fee and other fees imposed by the University per semester.



Dalam Peraturan ini, kecuali jika dinyatakan sebaliknya:
In this Regulation, unless stated otherwise:

- (a) perkataan yang menandakan jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan tanpa jantina dan sebaliknya; dan
words denoting the masculine gender shall include the feminine and neuter genders and vice versa; and
- (b) perkataan yang menandakan bilangan tunggal hendaklah termasuk bilangan majmuk dan sebaliknya.
words denoting a singular number shall include plural and vice versa.



2.0 PROGRAM PENGAJIAN STUDY PROGRAMME

2.1 Program Ijazah Degree Programme

- 2.1.1 Sesebuah program pengajian atau ijazah secara penyelidikan hendaklah mematuhi Kerangka Kelayakan Malaysia.

A study or degree programme by research shall be in compliance with the Malaysian Qualifications Framework.

- 2.1.2 Sesebuah Ijazah Sarjana, Ijazah Doktor Falsafah atau Ijazah Kedoktoran lain yang ditawarkan oleh mana-mana entiti akademik Universiti hendaklah mematuhi tahap Kerangka Kelayakan Malaysia yang bersesuaian.

A Master's Degree, Doctor of Philosophy Degree or any other Doctoral Degree offered by any academic entity of the University shall comply with the appropriate Malaysia Qualifications Framework's level.

- 2.1.3 Sesebuah program hendaklah melibatkan atau tidak melibatkan kolaborasi dengan Pemberi Pendidikan Tinggi yang lain. Program yang melibatkan kolaborasi dengan Pemberi Pengajian Tinggi yang lain dikenali sebagai Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda.
A programme shall or shall not involve collaboration with other Higher Education Providers. A programme which involves collaboration with other Higher Learning Provider is known as Joint/ Dual/ Double Degree Programme.
- 2.1.4 Sesebuah program hendaklah ditawarkan oleh entiti akademik hanya selepas mendapat kelulusan daripada Badan Berkuasa.
A programme shall be offered by an academic entity only after obtaining approval from the Authorised Body.
- 2.1.5 Sesebuah program hendaklah disemak secara berkala mengikut perkembangan ilmu dalam disiplin serta keperluan pelajar, industri, masyarakat, negara atau Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi.
A programme shall be periodically reviewed to keep abreast of knowledge in the discipline, and with the needs of the students, industry, society, country or collaborating Higher Education Provider.
- 2.1.6 Sesebuah program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda hendaklah mematuhi peraturan Badan Berkuasa dan/ atau dipersetujui oleh Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi dan dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian.
A Joint/ Dual/ Double Degree Programme shall abide by the regulations of the Authorised Body and/ or shall be agreed upon by collaborating Higher Education Providers and as stated in the Memorandum of Agreement.

2.2 Keperluan Ijazah

Degree Requirements

- 2.2.1 Sesebuah Program Ijazah secara Penyelidikan menghendaki calon untuk:
A Degree Programme by Research shall require a candidate to:
- (a) memenuhi keperluan kursus [Peraturan 7.1];
fulfil course requirements [Regulation 7.1];
 - (b) menyerahkan tesis untuk pemeriksaan [Peraturan 8.2] atau pemeriksaan semula [Peraturan 8.3.5(2)];
submit thesis for examination [Regulation 8.2] or reexamination [Regulation 8.3.5(2)];
 - (c) lulus pemeriksaan tesis [Peraturan 8.3] dan Peperiksaan Lisan [Peraturan 8.4]; dan
pass thesis examination and Viva Voce [Regulation 8.3 and Regulation 8.4]; and
 - (d) memenuhi semua keperluan yang ditetapkan oleh program pengajian, Peraturan ini dan pihak Universiti dari semasa ke semasa.
fulfill all the requirements specified by a study programme, this Regulation and the University from time to time.
- 2.2.2 Sesebuah Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda secara Penyelidikan menghendaki calon untuk:
A Joint/ Dual/ Double Degree Programme by Research shall require a candidate to:
- (a) memenuhi Peraturan 2.2.1(a), (b), (c) dan (d);
fulfill Regulation 2.2.1(a), (b), (c) and (d);

- (b) mematuhi semua peraturan tambahan seperti yang dipersetujui di bawah program yang mungkin melebihi dasar dan peraturan Badan Berkuasa; dan
adhere to all additional regulations as agreed under the programme which may supersede some policies and regulations of the Authorised Body; and
- (c) mematuhi semua peraturan akademik dan bukan akademik seperti yang dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian antara Universiti (sebagai sebuah Pemberi Pendidikan Tinggi asal) dan rakan kolaborasi (Pemberi Pendidikan Tinggi tuan rumah).
comply with all academic and non-academic regulations as specified in the Memorandum of Agreement between the University (as a home Higher Education Provider) and its collaborators (host Higher Education Provider).



3.0 KEMASUKAN *ADMISSION*

3.1 **Keperluan** *Requirements*

3.1.1 **Kelayakan** *Qualification*

- (a) Seseorang pemohon kemasukan ke Program Ijazah Sarjana hendaklah mempunyai kelayakan berikut:
An applicant who applies for admission to a Master's Degree Programme shall possess the following qualifications:
- (i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang atau bidang berkaitan dengan Purata Nilai Gred

Kumulatif (PNGK) minimum 2.75 atau setara yang diluluskan oleh Senat; atau

A Bachelor's Degree in the field or related fields with a minimum Cumulative Grade Point Average (CGPA) of 2.75 or equivalent as approved by the Senate; or

- (ii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang atau bidang berkaitan atau setara dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.50 dan kurang daripada 2.75 tertakluk kepada penilaian dalaman yang ketat; atau

A Bachelor's Degree in the field or related fields or equivalent with a minimum CGPA of 2.50 and less than 2.75 and is subject to rigorous internal assessment; or

- (iii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang atau bidang berkaitan atau setaraf dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan kurang daripada 2.50 tertakluk kepada pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang berkaitan serta penilaian dalaman yang ketat; atau

A Bachelor's Degree in the field or related fields or equivalent with a minimum CGPA of 2.00 and less than 2.50 and must have a minimum of 5 years working experience in relevant field and is subject to rigorous internal assessment; or

- (iv) Sebarang kelayakan atau pengalaman kerja bukan dalam bidang berkaitan, tetapi tertakluk kepada kursus prasyarat yang diluluskan oleh Senat dan pencapaian minimum PNGK seperti dalam Peraturan 3.1.1(a)(i), (ii), atau (iii); atau

Any qualification not in related fields or relevant working experience, but is required to complete prerequisite courses approved by the Senate and must fulfill a minimum CGPA as in Regulation 3.1.1(a)(i), (ii), or (iii); or

- (v) Sebarang kelayakan lain yang dibenarkan oleh Badan Berkuasa dari semasa ke semasa.

Any other qualifications allowed by the Authorised Body from time to time.

- (b) Seseorang pemohon kemasukan ke Program Ijazah Kedoktoran hendaklah mempunyai kelayakan berikut:

An applicant who applies for admission to a Doctoral Degree Programme shall possess the following qualifications:

- (i) Ijazah Sarjana dalam bidang atau bidang berkaitan yang diluluskan oleh Senat; atau

A Master's Degree in the field or related fields approved by the Senate; or

- (ii) Kelayakan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; atau

Other qualifications equivalent to a Master's Degree recognised by the Government of Malaysia; or

- (iii) Sebarang kelayakan atau pengalaman kerja bukan dalam bidang berkaitan dan mesti mengikuti kursus prasyarat yang diluluskan oleh Senat; atau

Any qualification not in a related field or relevant working experience and must undergo prerequisite courses approved by the Senate; or

- (iv) Ijazah Sarjana Muda kelas pertama atau yang setara dengannya dalam bidang atau bidang berkaitan tertakluk kepada penilaian dalaman dan sebarang keperluan lain yang diluluskan oleh Senat; atau *A Bachelor's Degree with first-class or its equivalent in the field or related fields and is subject to internal assessment and any other requirements approved by the Senate; or*
 - (v) Sebarang kelayakan lain yang dibenarkan oleh Badan Berkuasa dari semasa ke semasa. *Any other qualifications allowed by the Authorised Body from time to time.*
- (c) Seseorang pemohon pada semester akhir program Ijazah Sarjana Muda dalam bidang atau bidang berkaitan di Pemberi Pendidikan Tinggi tempatan dengan sekurang-kurangnya PNGK 3.50 hendaklah ditawarkan Kemasukan Bersyarat ke Program Ijazah Sarjana. Begitu juga, pemohon pada semester akhir Program Ijazah Sarjana dalam bidang atau bidang berkaitan di Pemberi Pendidikan Tinggi tempatan dengan sekurang-kurangnya PNGK 3.50 atau setara dan keputusan "Memuaskan" hendaklah ditawarkan Kemasukan Bersyarat ke Program Kedoktoran.

An applicant who is in the final semester of their bachelor's degree programme in the field or related field at a local Higher Education Provider with a minimum CGPA of 3.50 shall be offered a Conditional Admission to a Master's Degree Programme. Likewise, an applicant who is in the final semester of their Master's Degree Programme in the field or related field at a local Higher Education Provider with a minimum CGPA of 3.50 or equivalent and "Satisfactory" result shall be offered a Conditional Admission to a Doctoral Programme.

- (d) Sesebuah Program Ijazah Bersama hendaklah mematuhi Peraturan 3.1.1(a) atau Peraturan 3.1.1(b). Bagi Program Ijazah Dual dan Ijazah Berganda, pemohon hendaklah memenuhi syarat kemasukan tertinggi bagi kedua-dua program. Walau bagaimanapun, prasyarat kelayakan untuk kemasukan hendaklah mempertimbangkan keperluan Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi dan dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian.

A Joint Degree Programme shall abide by Regulation 3.1.1(a) or Regulation 3.1.1(b). For Dual and Double Degree Programmes, an applicant shall fulfill the highest entry requirements of both programmes. However, qualification prerequisites for admission shall consider the requirements of collaborating Higher Education Providers and are stated in the Memorandum of Agreement.

3.1.2 Bahasa Inggeris

English Language

- (a) Seseorang pemohon antarabangsa hendaklah memenuhi prasyarat Bahasa Inggeris yang ditetapkan oleh Badan Berkuasa.
An international applicant shall fulfil the English Language prerequisites specified by the Authorised Body.
- (b) Seseorang pemohon antarabangsa yang tidak memenuhi syarat di atas hendaklah ditawarkan Kemasukan Bersyarat, tetapi beliau hendaklah:
An international applicant who does not fulfil the above condition shall be offered a Conditional Admission, but he shall:
- (i) menghadiri Kursus Intensif Bahasa Inggeris yang ditawarkan oleh Universiti;
attend an Intensive English Language Course offered by the University;
 - (ii) menduduki *MUET* atau mana-mana peperiksaan yang selari atau sejajar dengan *The Common European Framework of Reference (CEFR)* tidak lewat daripada enam (6) bulan dari tarikh pendaftaran kemasukan; dan
sit for MUET or any examination parallel with or aligned to The Common European Framework of Reference (CEFR) not later than six (6) months from the registration date of admission; and
 - (iii) memenuhi keperluan Bahasa Inggeris dan mengemukakan bukti kelayakan Bahasa Inggeris tidak lewat daripada dua (2) tahun dari tarikh pendaftaran kemasukan, jika gagal,

pelajar tersebut hendaklah ditamatkan pengajian selaras dengan Peraturan 6.10.1(b).
fulfil the English requirements and submit evidence of the English qualification not later than two (2) years from the registration date of admission, failing which, the student shall be terminated from their study as in line with Regulation 6.10.1(b).

- (c) Prasyarat Bahasa Inggeris hendaklah dikecualikan kepada pelajar antarabangsa yang:
The English Language prerequisites shall be exempted for an international student who:
- (i) berasal daripada sesebuah negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi;
originates from a country that uses English as an official language;
 - (ii) menggunakan kelayakan akademik dari institusi atau program pengajian yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sepenuhnya; atau
uses an academic qualification from an institution or study programme that entirely uses English as the medium of instruction; or
 - (iii) mendaftar sebagai seorang pelajar bagi sesebuah Program Pengajian Siswazah secara Penyelidikan dan menulis tesis dalam Bahasa Melayu dengan kebenaran Penyelia Utama atau bahasa lain bagi pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang bahasa dengan perakuan entiti akademik dan kelulusan Senat.

registers as a student of a Graduate Study Programme by Research and writes a thesis in Malay with the permission of the Principal Supervisor or another language where his study is in the field of language with the recommendation of academic entity and the approval of the Senate.

- (d) Seseorang pelajar di bawah Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda hendaklah mematuhi Peraturan 3.1.2(a). Walau bagaimanapun, prasyarat bahasa untuk kemasukan hendaklah mengambil kira keperluan peraturan Badan Berkuasa yang terkini dan Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi dan dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian.

A student under Joint/ Dual/ Double Degree Programme shall abide by Regulation 3.1.2(a). However, language prerequisites for admission shall consider the requirements of the latest regulations of the Authorised Body and collaborating Higher Education Providers and as stated in the Memorandum of Agreement.

- (e) Keperluan Bahasa Inggeris hendaklah, dari semasa ke semasa, tertakluk kepada semakan dan ketetapan Badan Berkuasa.

English requirements shall, from time to time, be subject to review and discretion by the Authorised Body.

3.2 Perpindahan Pelajar *Transfer of Student*



- 3.2.1 Seseorang pelajar yang sedang mengikuti program pengajian siswazah di Pemberi Pendidikan Tinggi yang lain hendaklah memohon untuk kemasukan ke program pengajian. Dalam kes ini, pelajar hendaklah memohon pemindahan program pengajian daripada Pemberi Pendidikan Tinggi semasa ke program pengajian yang setara di Universiti dengan syarat beliau memenuhi keperluan program dan terdapat bukti bahawa pencalonan terakhir pelajar adalah "Memuaskan". Persetujuan rasmi daripada Pemberi Pendidikan Tinggi semasa pelajar hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan permohonan.
- A student who is currently enrolled in a graduate study programme at the other Higher Education Provider shall apply for admission. In this case, they shall apply for transfer of study programme from their current*

Higher Education Provider to an equivalent study programme at the University provided that they meet the admission requirements of the programme and there is evidence that they score a “Satisfactory” result during their last candidacy. An official consent of their current Higher Education Provider shall be submitted together with the application.

- 3.2.2 Sebaliknya, seseorang pelajar yang sedang mengikuti program pengajian di Universiti hendaklah dibenarkan memohon pemindahan ke program pengajian siswazah yang setara di Pemberi Pendidikan Tinggi yang lain tertakluk kepada syarat kemasukan Pemberi Pendidikan Tinggi pada masa hadapan. Persetujuan rasmi daripada Pemberi Pendidikan Tinggi mendatang hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan permohonan.
- In contrast, a student who is currently enrolled in a study programme at the University shall be allowed to apply for a transfer to an equivalent graduate study programme at the other Higher Education Provider, and is subject to the admission requirements of the future Higher Education Provider. An official consent of their future Higher Education Provider shall be submitted together with the application.*

3.3 Tawaran Kemasukan

Admission Offer

- 3.3.1 Dengan kelulusan entiti akademik atau sesebuah badan yang dibenarkan oleh Senat, tawaran kemasukan hendaklah dibuat oleh Pusat Pengajian Siswazah dan sah bagi tempoh dua (2) semester sahaja dari tarikh tawaran.

With approval of an academic entity or a body approved by the Senate, an admission offer shall be made by the Centre for Postgraduate Studies and is valid for two (2) semester only from the date of offer.

- 3.3.2 Tawaran tersebut hendaklah dianggap sebagai terbatal dengan sendirinya tanpa sebarang notis awal jika seseorang pelajar gagal mendaftar program pengajian dalam tempoh masa yang diperuntukkan dalam Peraturan 3.3.1 atau Peraturan 3.4.2.

The offer shall be deemed to be automatically void without any prior notice should a student fail to register their study programme within the time period provided in Regulation 3.3.1 or Regulation 3.4.2.

3.4 Penangguhan Kemasukan

Deferment of Admission

- 3.4.1 Seseorang pelajar hendaklah memohon kepada Pusat Pengajian Siswazah dengan menggunakan mekanisme yang ditetapkan untuk penangguhan kemasukan dalam tempoh pendaftaran yang diperuntukkan dalam Peraturan 4.2.1. Selepas kelulusan, pelajar dan entiti akademik hendaklah dimaklumkan oleh Pusat Pengajian Siswazah berhubung tarikh baharu kemasukan.

A student shall apply to the Centre for Postgraduate Studies to defer their admission by using a specified mechanism within the registration period provided in Regulation 4.2.1. Upon approval, the student and academic entity shall be notified by the Centre for Postgraduate Studies for a new date of admission.

- 3.4.2 Seseorang pelajar hendaklah dibenarkan penangguhan kemasukan tidak melebihi daripada satu (1) semester sahaja.

A student shall be allowed to defer their admission for not more than one (1) semester only.

3.5 Sekatan Kemasukan ***Admission Restriction***

- 3.5.1 Sebarang tawaran kemasukan hendaklah dihadkan kepada program pengajian yang dinyatakan dalam dokumen tawaran dan hendaklah tidak digunakan untuk kemasukan ke program pengajian lain.

Any admission offer shall be restricted to a particular study programme as stated in the offer document and shall not be used for admission to other study programme.

- 3.5.2 Seseorang pelajar yang telah ditamatkan pencalonan oleh Universiti atas sebarang alasan di bawah Peraturan 6.10.1, selain daripada Peraturan 6.10.1(a), (b), (c), (d), (e), (j), atau (k), adalah tidak layak untuk sebarang rayuan atau kemasukan semula ke mana-mana program pengajian di Universiti.

A student whose candidacy has been terminated by the University for any reason under Regulation 6.10.1, other than Regulation 6.10.1(a), (b), (c), (d), (j), or (k), shall not be eligible for any appeal or readmission to any study programme at the University.



4.0 PENDAFTARAN REGISTRATION

4.1 Keperluan Am General Requirements

- 4.1.1 Seseorang pelajar hendaklah mendaftar pengajian pada setiap semester dalam masa yang dibenarkan.
A student shall register their study for every semester within a permissible time.
- 4.1.2 Seseorang pelajar yang dibenarkan menukar mod pengajian secara menyelidikan kepada kerja kursus atau campuran dan sebaliknya [Peraturan 6.5.1(c)] atau menukar daripada Ijazah Sarjana kepada Ijazah Kedoktoran [Peraturan 6.5.2] hendaklah mendaftar semula pengajian tidak lewat daripada dua (2) minggu dari tarikh pertukaran atau penukaran.
A student who is allowed to change the mode of study from research to coursework or mix and vice versa [Regulation 6.5.1(c)] or to convert from a Master's to Doctoral Degree [Regulation 6.5.2] shall register their study again not later than two (2) weeks from the date of change or conversion.

- 4.1.3 Seseorang pelajar baharu atau pelajar kanan hendaklah melunaskan semua yuran tertakluk kepada mana-mana peruntukan berkaitan dalam Peraturan 5.1 sebelum pelajar dibenarkan mendaftar kemasukan atau pengajian.

A new or senior student shall settle all the fees, subject to any relevant provision in Regulation 5.1 before they shall be allowed to register their admission or study.

- 4.1.4 Keperluan pendaftaran bagi Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda hendaklah mematuhi peraturan Badan Berkuasa dan/ atau hendaklah dipersetujui oleh Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi dan dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian.

Registration requirements for Joint/ Dual/ Double Degree Programme shall abide by the regulations of the Authorised Body and/ or shall be agreed upon by collaborating Higher Education Providers and as stated in the Memorandum of Agreement.

4.2 Pendaftaran Pelajar Baharu

New Student Registration

- 4.2.1 Seseorang pelajar baharu yang perlu mengikuti Kursus Kaedah Penyelidikan sahaja hendaklah mendaftar pengajian tidak lewat daripada minggu kelapan (ke-8) semester pertamanya. Seseorang pelajar baharu yang mendaftar selepas minggu kesembilan (ke-9) dibenarkan mengikuti Kursus Kaedah Penyelidikan pada semester berikutnya.

A new student who is required to attend the Research Methodology Course only shall register their study not later than the eighth (8th) week of their first semester. A new student who registers after the ninth (9th) week

may take the Research Methodology course in the following semester.

- 4.2.2 Seseorang pelajar baharu yang gagal mendaftar pengajian dalam masa yang ditetapkan seperti dalam Peraturan 4.2.1 hendaklah tertakluk kepada Peraturan 3.3.2.

A new student who fails to register their study within the stipulated time, as in Regulation 4.2.1 shall be subjected to Regulation 3.3.2.



4.3 Pendaftaran Pelajar Kanan *Senior Student Registration*

- 4.3.1 Seseorang pelajar kanan hendaklah membuat pendaftaran pengajian tidak lewat daripada minggu kedua (ke-2) semester. Ini juga terpakai kepada seseorang pelajar yang telah menghantar tesis bagi tujuan pemeriksaan dan telah diberikan status "Tesis Diserahkan untuk Pemeriksaan".
A senior student shall register for their study not later than the second (2nd) week of the semester. This also applies to a student who has submitted a thesis for examination and has been granted the status of "Thesis Submitted for Examination".
- 4.3.2 Seseorang pelajar kanan yang gagal mematuhi Peraturan 4.3.1(b) hendaklah dibenarkan pelanjutan tempoh sebanyak dua (2) minggu sahaja, tetapi penalti pendaftaran lewat berjumlah RM150.00 hendaklah dikenakan.
A senior student who fails to abide by Regulation 4.3.1(b) shall be allowed another two (2) weeks of extension only, but a late registration penalty of RM150.00 shall be imposed.
- 4.3.3 Seseorang pelajar kanan hendaklah ditamatkan pencalonannya jika gagal mematuhi Peraturan 4.3.1(b) atau Peraturan 4.3.2.
A senior student shall be terminated from their candidature should the student fails to abide by Regulation 4.3.1 or Regulation 4.3.2.



5.0 YURAN

FEES

5.1 Pembayaran Yuran

Payment of Fee

- 5.1.1 Pada setiap semester, seseorang pelajar hendaklah membayar sejumlah yuran yang ditetapkan oleh pihak Universiti, termasuk yuran yang tidak ditanggung oleh penaja atau pembiaya.

Each semester, a student shall pay an amount of fees specified by the University, including fees not covered by the sponsor or financier.

- 5.1.2 Semua yuran dalam Ringgit Malaysia (RM) hendaklah dibayar oleh pelajar, termasuk pelajar antarabangsa, kepada Universiti Malaysia Kelantan sebelum pendaftaran pengajian. Salinan resit rasmi daripada pihak Bendahari hendaklah diserahkan kepada Pusat Pengajian Siswazah untuk rekod.

All fees in Ringgit Malaysia (RM) shall be paid by students, including international students, to Universiti Malaysia Kelantan prior to registration of study. A copy of official receipts from the Bursar shall be submitted to the Centre for Postgraduate Studies for record.

- 5.1.3 Pembayaran yuran semester hendaklah dibuat sehingga seseorang pelajar menyerahkan tesis untuk pemeriksaan. Sebaik sahaja seseorang pelajar menyerahkan tesis, beliau tidak lagi perlu membayar yuran semester.

Payment of semester fees shall be made until a student submits their thesis for examination. Once a student submits their thesis, they shall not be required to pay semester fees.

- 5.1.4 Sejumlah yuran pemeriksaan tesis yang ditetapkan hendaklah dijelaskan dan satu salinan resit rasmi hendaklah diserahkan kepada Pusat Pengajian Siswazah semasa penyerahan tesis untuk pemeriksaan.

A specified amount of thesis examination fee shall be paid, and a copy of the official receipts shall be submitted to the Centre for Postgraduate Studies during submission of the thesis for examination.

- 5.1.5 Sekiranya tesis telah diserahkan kepada Pusat Pengajian Siswazah untuk sesi peperiksaan lisan pada atau sebelum minggu keempat (4) semester semasa, yuran pengajian yang dibayar bagi semester tersebut boleh dipertimbangkan untuk dipulangkan, tertakluk kepada kelulusan pihak universiti.

If the thesis is submitted to the Centre for Postgraduate Studies for the Viva Voce on or before the fourth (4th) week of the current semester, the tuition fees paid for that semester may be considered for a refund, subject to the approval of the University.

- 5.1.6 Seseorang calon yang menyerahkan tesis untuk pemeriksaan semula hendaklah membayar yuran semester pada semester berikutnya dan yuran pemeriksaan tesis tertakluk kepada Peraturan 5.1.3, Peraturan 5.1.4, dan Peraturan 5.1.5.

A candidate who submits their thesis for reexamination shall pay the semester fee in the subsequent semester(s) and thesis examination fee, as subject to Regulation 5.1.3, Regulation 5.1.4, and Regulation 5.1.5.

- 5.1.7 Seseorang bekas pelajar Universiti yang mendaftar sebagai pelajar baharu hendaklah menjelaskan semua hutang tertunggak, yuran semester semasa, dan penalti yang dikenakan oleh pihak Universiti sebelum pemohon boleh mendaftar kemasukan pengajiannya.

A former student of the University who enrolls as a new student shall settle all outstanding debts, current semester fees, and a penalty imposed by the University before they can register their admission of study.

- 5.1.8 Seseorang pelajar yang telah ditamatkan pengajian dan rayuannya diluluskan seperti dalam Peraturan 6.10.2 bagi:

A student whose study is terminated and their appeal is approved as in Regulation 6.10.2 for:

- (a) kemasukan semula ke program pengajian hendaklah membayar semua yuran/ hutang tertunggak, yuran pemprosesan, penalti sebanyak RM400.00, dan yuran sebagai pelajar baharu; atau

readmission to study programme shall pay all outstanding fees/ debt, processing fees, a penalty of RM400.00, and fees as new student; or

- (b) sambungan pengajian hendaklah membayar semua yuran/ hutang yang tertunggak, denda sebanyak RM400.00, dan yuran semester.
continuation of study shall pay all outstanding fees/ debts, a penalty of RM400.00, and semester fees.

- 5.1.9 Semua yuran/ hutang tertunggak (jika ada), yuran konvokesyen dan yuran alumni hendaklah dijelaskan terlebih dahulu sebelum calon dipertimbangkan untuk tujuan pengijazahan.
All outstanding fees/ debts (if any), convocation fee and alumni fee shall be settled first before a candidate shall be considered for graduation.

5.2 Pemulangan dan Pengecualian Yuran

Refund and Exemption of Fees

- 5.2.1 Seseorang pelajar yang telah membayar yuran, tetapi kemudiannya menarik diri daripada pengajian seperti dalam Peraturan 6.8.1 hendaklah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh pihak Universiti.
A student who has already paid their fees, but later withdraws their study, as in Regulation 6.8.1 shall be subject to the regulation specified by the University.
- 5.2.2 Seseorang pelajar yang diluluskan penangguhan pengajian seperti dalam Peraturan 6.7.1, yuran yang telah dibayar hendaklah tidak dikembalikan, tetapi hendaklah dibawa ke semester berikutnya.
A student who is granted approval to defer their study as in Regulation 6.7.1, the paid fees shall not be refundable, but shall be carried forward to the next semester.



- 5.3 Kuantum, terma dan syarat yuran hendaklah tertakluk kepada ketetapan oleh pihak Universiti. Sebarang semakan semula yuran adalah menjadi hak Universiti tanpa notis awal dan hendaklah terpakai kepada pelajar baharu sahaja.

The quantum, terms and conditions of fees shall be subject to discretion by the University. Any review on the fees shall be the purview of the University without prior notice and shall be applicable to new students only.

- 5.4 Perkara berkaitan yuran bagi Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda hendaklah dipersetujui oleh Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi dan dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian.

Fee-related matters for Joint/ Dual/ Double Degree Programme shall be agreed upon by collaborating Higher Education Providers and as stated in the Memorandum of Agreement.



6.0 **PENCALONAN CANDIDATURE**

6.1 **Tempoh Pengajian** *Duration of Study*

6.1.1 **Program Ijazah Sarjana** *Master's Degree Programme*

- (a) Tempoh pengajian lazim hendaklah dua (2) tahun bagi pelajar sepenuh masa dan tiga (3) tahun bagi pelajar separuh masa.

A typical duration of study shall be two (2) years for a full-time student and three (3) years for a part-time student.

- (b) Bagi pelajar sepenuh masa, tempoh minimum pengajian hendaklah satu (1) tahun dan maksimum ialah tiga (3) tahun, kecuali program pengajian yang mungkin memerlukan tempoh yang lebih lama untuk disiapkan. Bagi pelajar separuh masa, tempoh pengajian minimum ialah dua (2) tahun dan maksimum ialah empat (4) tahun. Namun begitu, Senat HEP boleh memberikan pengecualian kepada pelajar cemerlang yang menamatkan pengajian dalam tempoh lebih singkat.
- For a full-time student, the minimum duration of study shall be one (1) year and the maximum shall be three (3) years, with the exception of a study programme that may require a longer duration to complete. For a part-time student, the minimum duration of study shall be two (2) years, and the maximum shall be four (4) years. However, the HEP Senate may grant exemptions to outstanding students who have completed their studies in a shorter duration.*
- (c) Tempoh pengajian bagi Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda hendaklah mematuhi peraturan Badan Berkuasa dan/ atau hendaklah dipersetujui oleh Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi dan dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian.
- Duration of study for Joint/ Dual/ Double Degree Programme shall abide by the regulations of the Authorised Body and/ or shall be agreed upon by collaborating Higher Education Providers, and is stated in the Memorandum of Agreement.*

6.1.2 Program Ijazah Kedoktoran

Doctoral Degree Programme

- (a) Tempoh pengajian lazim hendaklah tiga (3) tahun bagi pelajar sepenuh masa dan empat (4) tahun bagi pelajar separuh masa.

A typical duration of study shall be three (3) years for a full-time student and four (4) years for a part-time student.

- (b) Bagi seseorang pelajar sepenuh masa, tempoh pengajian minimum hendaklah dua (2) tahun dan maksimum hendaklah enam (6) tahun. Bagi seseorang pelajar separuh masa, tempoh pengajian minimum hendaklah empat (4) tahun dan maksimum hendaklah lapan (8) tahun. Namun begitu, Senat HEP boleh memberikan pengecualian kepada pelajar cemerlang yang menamatkan pengajian dalam tempoh lebih singkat.

For a full-time student, the minimum duration of study shall be two (2) years, and the maximum shall be six (6) years. For a part-time student, the minimum duration of study shall be four (4) years and the maximum shall be eight (8) years. However, the HEP Senate may grant exemptions to outstanding students who have completed their studies in a shorter duration.

- (c) Tempoh pengajian bagi Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda hendaklah mematuhi peraturan Badan Berkuasa dan/ atau hendaklah dipersetujui oleh Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi dan dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian.

Duration of study for Joint/ Dual/ Double Degree Programme shall abide by the regulations of the Authorised Body and/ or shall be agreed upon by collaborating Higher Education Providers, and is stated in the Memorandum of Agreement.



6.2 Syarat Pemastautin Akademik *Academic Residential Requirements*

- 6.2.1 Seseorang pelajar antarabangsa hendaklah hadir di premis Universiti bagi tempoh minimum yang ditetapkan oleh Badan Berkuasa.

An international student shall be present at the University's premises for a minimum period specified by the Authorised Body.

- 6.2.2 Seseorang pelajar di bawah Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda hendaklah tertakluk kepada peraturan Badan Berkuasa dan/ atau persetujuan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi dan dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian.

A student under the Joint/ Dual/ Double Degree Programme shall be subject to the regulations of the Authorised Body and/ or agreement of collaborating Higher Education Providers, which shall be stated in the Memorandum of Agreement.

- 6.2.3 Keperluan pemastautin hendaklah tertakluk kepada ketetapan semasa Badan Berkuasa dan Senat.
Residential requirement shall be subject to the current discretion of the Authorised Body and the Senate.

6.3 Penukaran Status Tawaran Kemasukan

Conversion of Admission Offer Status

- 6.3.1 Seseorang pelajar yang ditawarkan Kemasukan Bersyarat di bawah Peraturan 3.1.1(c) hendaklah ditukar pencalonan kepada Kemasukan Tanpa Syarat atau pelajar biasa selepas pelajar mengemukakan bukti pengijazahan yang memenuhi syarat kemasukan program pengajian seperti yang dinyatakan dalam Peraturan 3.1, jika gagal, pelajar itu hendaklah tertakluk kepada Peraturan 6.10.1(a).
A student who is granted Conditional Admission status under Regulation 3.1.1(c) shall have their candidature converted to Unconditional Admission status i.e. is regarded as a normal student after they submit proof of their graduation, which satisfies the admission requirements of the study programme as specified in Regulation 3.1, failing which, the student shall be subject to Regulation 6.10.1(a).
- 6.3.2 Seseorang pelajar antarabangsa yang diberikan Kemasukan Bersyarat di bawah Peraturan 3.1.2(b) hendaklah ditukar pencalonan kepada Kemasukan Tanpa Syarat atau pelajar biasa selepas pelajar mengemukakan bukti kelayakan Bahasa Inggeris seperti yang dikehendaki dalam Peraturan 3.1.2 dan Peraturan 3.1.2(b)(iii).
An international student who is granted Conditional Admission status under Regulation 3.1.2(b) shall have their candidature converted to Unconditional Admission status i.e. is regarded as a normal student after they submit proof

of English qualification as required in Regulation 3.1.2 and Regulation 3.1.2(b)(iii).



6.4 Penukaran Status Pengajian *Change of Study Status*

- 6.4.1 Seseorang pelajar hendaklah memohon penukaran status pengajiannya daripada sepenuh masa kepada separuh masa atau sebaliknya dengan menggunakan mekanisme yang ditetapkan tidak lewat daripada minggu keempat (ke-4) semester dan hendaklah berkuatkuasa pada semester berikutnya. Permohonan ini hendaklah dilulus dan dimaklumkan oleh entiti akademik kepada pelajar dan Pusat Pengajian Siswazah.


A student shall apply for conversion of their status of study from full-time to part-time or vice versa by using a specified mechanism not later than the fourth (4th) week of the semester, and the conversion shall be enforced in the forthcoming semester. This application shall be approved and notified by the academic entity to the student and the Centre for Postgraduate Studies.

- 6.4.2 Penukaran ini hendaklah dibenarkan sebanyak dua kali (2) sahaja sepanjang tempoh pencalonan seseorang pelajar.

This change shall be allowed twice (2) only for the entire period of a student's candidature.

- 6.4.3 Tempoh pencalonan bagi seseorang pelajar yang bertukar status hendaklah dikira berdasarkan bilangan semester yang telah disempurnakan dari tarikh kemasukan.

Candidature period for a student who changes their status shall be calculated based on the number of semesters completed from the date of their admission.



6.5 Penukaran Mod/ Program/ Bidang Pengajian *Change of Mode/ Programme/ Field of Study*

6.5.1 Sebarang penukaran mod, program, dan/ atau bidang pengajian hendaklah tidak digalakkan di sepanjang tempoh pengajian seseorang pelajar. Walau bagaimanapun, dengan justifikasi yang kukuh, seseorang pelajar hendaklah memohon penukaran mod, program, dan/ atau bidang pengajian dengan menggunakan mekanisme yang ditetapkan. Kelulusan hendaklah dibuat oleh entiti akademik dan dimaklumkan kepada pelajar dan Pusat Pengajian Siswazah dengan syarat berikut:

Any change of mode, programme, and/ or field of study shall not be encouraged for the entire candidature of a student. However, with strong justification, a student shall apply for any change of mode, programme, and/ or field of study by using a specified mechanism. Approval shall be made by academic entity and notified to the student and Centre for Postgraduate Studies with the following conditions:

(a) permohonan hendaklah dibenarkan sekali (1) sahaja dan tidak lewat daripada separuh tempoh pengajiannya.
application shall be allowed once (1) only and not later than half of his duration of study.

(b) penukaran hendaklah berkuatkuasa serta merta sebaik sahaja pelajar menerima kelulusan rasmi, kecuali penukaran mod pengajian secara penyelidikan kepada kerja kursus atau campuran dan sebaliknya.

The change shall take immediate effect once the student receives official approval, except for the change of study mode by research to coursework or mixed mode and vice versa.

- (c) penerukan mod pengajian secara penyelidikan kepada kerja kursus atau campuran dan sebaliknya hendaklah dibuat bersama permohonan program pengajian baharu yang mana tertakluk kepada Peraturan 3.0, Peraturan 4.2, Peraturan 5.1 yang berkaitan, dan keperluan lain (jika ada).
change of study mode by research to coursework or mixed mode or vice versa shall be made together with the application for a new study programme which is subject to Regulation 3.0, Regulation 4.2, any relevant provisions in Regulation 5.1, and other requirements (if any).

- 6.5.2 Seseorang calon hendaklah memohon kepada entiti akademik dengan menggunakan mekanisme yang ditetapkan untuk menukar pengajian daripada Program Ijazah Sarjana kepada Program Ijazah Kedoktoran dengan syarat berikut:

A candidate shall apply to an academic entity by using a specified mechanism to change or convert their study from a Master's Degree Programme to a Doctoral Degree Programme with the following conditions:

- (a) dimasukkan ke Program Ijazah Sarjana secara Penyelidikan dengan Ijazah Sarjana Muda;
admitted to Master's Degree Programme with a Bachelor's Degree;
- (b) permohonan dibuat tidak lewat daripada satu (1) tahun bagi pelajar sepenuh masa dan dua (2) tahun bagi separuh masa dari tarikh pendaftaran kemasukan;
application is made not later than one (1) year for a full-time student and two (2) years for a part-time student from the registration date of his admission;

- (c) digredkan sebagai “Cemerlang” pada Penilaian Cadangan Penyelidikan [Peraturan 7.3.4(1)(b)] atau Pra Peperiksaan Lisan [Peraturan 7.4.4(1)(b)]; dan
graded as “Excellent” at Proposal Defense [Regulation 7.3.4(1)(b)] or Pre Viva Voce [Regulation 7.4.4(1)(b)]; and
 - (d) diluluskan oleh Senat.
approved by the Senate.
- 6.5.3 Seseorang pelajar hendaklah memohon kepada entiti akademik dengan menggunakan mekanisme yang ditetapkan untuk menukar program ijazah konvensional kepada program kerjasama (Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda) yang sama tahap tertakluk kepada keperluan kemasukan program pengajian, kelulusan Senat, pemberitahuan kepada pelajar dan entiti akademik oleh Pusat Pengajian Siswazah dan Memorandum Perjanjian dalam kalangan Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi.
A student shall apply to academic entity by using a specified mechanism to change a conventional degree programme to the same level of a collaborative programme (Joint/ Dual/ Double Degree Programme), it is subject to admission requirements of the study programme, approval of the Senate; notification to the student and academic entity from the Centre for Postgraduate Studies and Memorandum of Agreement between collaborating Higher Education Providers.
- 6.5.4 Semua penukaran hendaklah tidak dibenarkan setelah calon menyerahkan tesis untuk pemeriksaan.
All the change shall not be allowed once the candidate submits their thesis for examination.

6.6 **Pelanjutan Tempoh Pengajian** *Extension of Study Duration*

- 6.6.1 Seseorang pelajar yang memerlukan lebih daripada tempoh maksimum pengajian [Peraturan 6.1.1(b) atau Peraturan 6.1.2(b)] hendaklah memohon pelanjutan dengan menggunakan mekanisme yang ditetapkan tidak lewat daripada tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh pengajiannya dan hendaklah diluluskan oleh entiti akademik dan dimaklumkan kepada pelajar dan Pusat Pengajian Siswazah.

A student who needs more than the maximum period of study [Regulation 6.1.1(b) or Regulation 6.1.2(b)] shall apply for an extension by using a specified mechanism not later than three (3) months prior to the expiry date of their candidature and shall be approved and notified by the academic entity to the student and the Centre for Postgraduate Studies.

- 6.6.2 Permohonan hendaklah dibenarkan sebanyak dua (2) kali sahaja. Pihak Universiti berhak untuk meluluskan atau menolak permohonan pelanjutan tersebut.

The application shall be allowed twice (2) only. The University shall reserve the right to approve or reject the application for further extension.

6.7 Penangguhan Pengajian *Deferment of Study*

- 6.7.1 Seseorang pelajar hendaklah memohon penangguhan pengajian dengan menggunakan mekanisme yang ditetapkan sebelum semester baharu bermula atau selewat-lewatnya minggu keempat (4) semester dan hendaklah diluluskan oleh entiti akademik dan dimaklumkan kepada pelajar dan Pusat Pengajian Siswazah.

A student shall apply for deferment of their study by using a specified mechanism before a new semester begins or not later than the fourth (4th) week of the semester and shall be approved and notified by academic entity to the student and Centre for Postgraduate Studies.

- 6.7.2 Penangguhan hendaklah dibenarkan bagi tempoh tidak kurang daripada satu (1) semester dan tidak lebih daripada dua (2) semester di sepanjang tempoh pengajian seseorang pelajar.

Deferment shall be allowed for a period of not less than one (1) semester and not more than two (2) semesters for the whole study period of a student.

- 6.7.3 Penangguhan yang diluluskan hendaklah tidak dikira dalam tempoh pengajian seseorang pelajar.

Approved deferment shall not be accounted in a duration of of a student's study.

- 6.7.4 Seseorang pelajar yang dibenarkan penangguhan tidak perlu membayar yuran semester, tetapi tidak berhak menggunakan sebarang kemudahan yang disediakan oleh Universiti.

A deferred student shall not pay semester fees, but shall not be entitled to use any facilities provided by the University.

6.8 Penarikan Diri Pengajian *Study Withdrawal*

- 6.8.1 Seseorang pelajar hendaklah memohon untuk menarik diri daripada pengajian dengan menggunakan mekanisme yang ditetapkan pada bila-bila masa sepanjang pengajian tertakluk kepada Peraturan 5.2.1 dan hendaklah diluluskan oleh entiti akademik dan dimaklumkan kepada pelajar dan Pusat Pengajian Siswazah.

A student shall apply to withdraw their study by using a specified mechanism at any time during their study, it is subject to Regulation 5.2.1 and shall be approved and notified by academic entity to the student and Centre for Postgraduate Studies.

- 6.8.2 Seseorang pelajar yang menarik diri hendaklah dibenarkan memohon semula kemasukan ke program pengajian di Universiti selepas satu (1) tahun dari tarikh penarikan diri.

A withdrawn student shall be allowed to re-apply for admission to a study programme at the University after one (1) year from the date of their withdrawal.

6.9 Penggantungan Pencalonan *Suspension of Candidature*

- 6.9.1 Seseorang pelajar hendaklah tidak melanggar mana-mana peruntukan dalam Peraturan ini atau mana-mana peraturan Universiti.

A student shall not violate any provision in this Regulation or any regulations of the University.

- 6.9.2 Sekiranya berlaku pelanggaran Peraturan ini, entiti akademik hendaklah memutuskan untuk menggantung secara rasmi seseorang pelajar

daripada pencalonan bagi tempoh masa yang ditetapkan. Dalam kes ini, tempoh penggantungan hendaklah dikira dalam tempoh pengajian, melainkan diputuskan sebaliknya oleh entiti akademik.

If a violation is committed, the academic entity shall decide to officially suspend a student from their candidature for a certain period of time. In this case, the suspended period shall be accounted in their duration of study, unless decided otherwise by the academic entity.

6.10 Penamatan Pengajian

Termination of Study

6.10.1 Dengan cadangan entiti akademik, penamatan pengajian hendaklah dibuat oleh Pusat Pengajian Siswazah dan terpakai apabila seseorang pelajar:

With recommendation by academic entity, a termination of study shall be made by the Centre for Postgraduate Studies and is applicable when a student:

- (a) dengan Kemasukan Bersyarat di bawah Peraturan 3.1.1 (c), tetapi gagal mengemukakan bukti pengijazahan tidak lewat daripada satu (1) semester dari tarikh pendaftaran kemasukan atau kelayakan tidak memenuhi sebarang syarat yang diperuntukkan dalam Peraturan 3.1; atau
with a Conditional Admission under Regulation 3.1.1 (c), fails to submit a proof of their graduation not later than one (1) semester from the registration date of admission or their qualifications do not meet any requirements provided in Regulation 3.1; or
- (b) dengan Kemasukan Bersyarat di bawah Peraturan 3.1.2(b), tetapi gagal mengemukakan

- bukti kelayakan Bahasa Inggeris seperti dalam Peraturan 3.1.2(b)(iii) atau untuk memenuhi keperluan Bahasa Inggeris dalam Peraturan 3.1.2(a); atau
with a Conditional Admission under Regulation 3.1.2(b), fails to submit a proof of their English qualification as in Regulation 3.1.2(b)(iii) or to meet English requirements in Regulation 3.1.2(a); or
- (c) gagal mendaftar pengajian seperti dalam Peraturan 4.3.3; atau
fails to register their study as in Regulation 4.3.3; or
- (d) gagal mendaftar semula pengajian selepas menukar mod pengajian secara penyelidikan kepada kerja kursus atau campuran dan sebaliknya; atau menukar daripada program Ijazah Sarjana kepada Ijazah Kedoktoran [Peraturan 4.1.2]; atau
fails to register study again after a change of the mode of study from coursework or mixed mode to research and vice versa; or to convert from a Master's to Doctoral Degree Programme [Regulation 4.1.2]; or
- (e) diberikan keputusan "Tidak Memuaskan" seperti dalam Peraturan 7.6.5; atau
is granted "Unsatisfactory" result as in Regulation 7.6.5; or
- (f) memberi maklumat palsu berhubung kemasukan dan pengajian; atau
gives false information regarding their admission and study; or

- (g) tidak mempunyai kebolehan mental atau fizikal yang mencukupi seperti yang disahkan oleh doktor perubatan yang bertauliah; atau
has no sufficient mental or physical abilities as verified by authorised medical doctor; or
- (h) mengganggu atau mengancam Jawatankuasa Peperiksaan Lisan dan/ atau penyelia terkait pemeriksaan tesis atau Peperiksaan Lisan; atau
disturbs or threatens Viva Voce Committee and/or supervisor with regards to their thesis examination and/ or Viva Voce; or
- (i) melakukan salah laku penyelidikan; atau
commits research misconduct; or
- (j) melepasi tempoh pengajian yang dibenarkan, termasuk lanjutan tempoh pengajian; atau
surpasses the allowed study period, including extension of study period; or
- (k) gagal menghantar tesis dalam tempoh masa tertentu; atau
fails to submit the thesis within a given time period; or
- (l) gagal pemeriksaan tesis [Peraturan 8.3.5(3) atau Peraturan 8.3.6(2)] dan/ atau Peperiksaan Lisan [Peraturan 8.4.3]; atau
fails thesis examination [Regulation 8.3.5(3) or Regulation 8.3.6(2)] and/ or Viva Voce [Regulation 8.4.3]; or
- (m) melanggar mana-mana peraturan Universiti.
violates any rule or regulation of the University.

6.10.2 Seseorang pelajar yang pengajiannya ditamatkan kerana Peraturan 6.10.1(a), (b), (c), (d), (e), (j), atau (k) hendaklah dibenarkan merayu untuk meneruskan atau kemasukan semula ke program pengajian dengan menggunakan mekanisme yang ditetapkan dan hendaklah dipertimbangkan oleh entiti akademik dan dimaklumkan kepada pelajar dan Pusat Pengajian Siswazah dengan syarat berikut:

A student whose study is terminated due to Regulation 6.10.1(a), (b), (c), (d), (e), (j), or (k) shall be allowed to appeal for continuation of or readmission to study programme by using a specified mechanism and shall be considered by academic entity and notified to the student and Centre for Postgraduate Studies with the following conditions:

- (a) rayuan dibuat tidak lewat daripada empat (4) minggu dari tarikh penamatan;
appeal is made not later than four (4) weeks from the date of termination;
- (b) pencalonan maksimum adalah memadai untuk meneruskan pengajian;
maximum candidature is sufficient to continue the study;
- (c) membuat bayaran semua yuran dan penalti seperti dalam Peraturan 5.1.8(a) atau Peraturan 5.1.8(b); dan
all the fees and penalty are paid as in Regulation 5.1.8(a) or Regulation 5.1.8(b); and
- (d) menyediakan dokumen sokongan atau bukti (jika berkenaan).
supporting documents or evidence (if applicable) are provided.

6.10.3 Rayuan di bawah Peraturan 6.10.2 hendaklah dibenarkan sebanyak dua (2) kali sahaja dalam tempoh pengajian seseorang pelajar.

Appeal under Regulation 6.10.2 shall be allowed twice (2) only for the entire study duration of a student.

6.10.4 Seseorang pelajar yang rayuannya diluluskan untuk kemasukan semula pengajian hendaklah tertakluk kepada Peraturan 4.2 atau Peraturan 4.3, Peraturan 5.1.7, dan Peraturan 6.1.1 atau Peraturan 6.1.2.

A student whose appeal is approved for reinstatement of study shall be subject to Regulation 4.2 or Regulation 4.3, Regulation 5.1.7, and Regulation 6.1.1 or Regulation 6.1.2.



6.11 Etika Penyelidikan

Research Ethics

6.11.1 Seseorang pelajar hendaklah mematuhi semua etika penyelidikan yang ditetapkan oleh Universiti dan mengelakkan sebarang salah laku penyelidikan sepanjang pengajiannya.

A student shall abide by all research ethics specified by the University and avoid any research misconduct throughout their study.

6.11.2 Salah laku penyelidikan ialah semua tindakan yang melanggar etika penyelidikan, seperti fabrikasi, pemalsuan, atau plagiat dalam menghasilkan penulisan tesis, disertasi, laporan projek sarjana, kertas kerja, tugas dan hasil penyelidikan sebahagian atau keseluruhannya seperti berikut:

Research misconducts are all the acts of breaching research ethics, such as fabrication, falsification, or plagiarism in producing writing of thesis, dissertation, master's project report, paperwork, assignment, and research outcomes in part or in whole, such as the following:

(a) Fabrikasi atau perbuatan pemalsuan data, merekod atau melaporkan data/ hasil yang tidak wujud;

Fabrication or the acts of conjuring data, recording or reporting non-existent data/ result;

(b) Pemalsuan ialah tindakan memanipulasi hasil atau proses penyelidikan dengan mengubah atau menghilangkan data hasil supaya hasil penyelidikan tidak mencerminkan keputusan sebenar; atau

Falsification is the acts of manipulating research result or process by changing or omitting result data so that the research result does not reflect the actual results; or

- (c) Plagiat ialah tindakan mengambil idea, proses, hasil, dan penulisan tanpa merujuk kepada sumber asal dan mendakwa ia sebagai karya mereka sendiri; tetapi ia tidak memasukkan kesilapan atau perbezaan pendapat yang 'bona fide'.

Plagiarism is the act of taking an idea, process, result, or writing without reference to the original source and claiming it as one's own work; but it does not include 'bona fide' mistake or difference in opinions.

- 6.11.3 Seseorang pelajar yang didapati bersalah atas salah laku penyelidikan hendaklah menghadapi tindakan tatatertib di bawah Prosedur Universiti (Tatatertib Pelajar) yang boleh menyebabkan penamatan pengajian [Peraturan 6.10.1(i)] atau bentuk hukuman lain yang ditetapkan oleh Senat.

A student who is found guilty of research misconduct shall face disciplinary actions under the University's Procedure (Students Discipline), which shall lead to termination of study [Regulation 6.10.1(i)] or other form of punishment set by the Senate.

- 6.11.4 Seseorang pelajar hendaklah mendapatkan kelulusan etika daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti sebelum menjalankan penyelidikan yang melibatkan manusia, haiwan, serta manipulasi gen dan rekombinan Deoxyribonucleic Acid (DNA) dan sebagainya mengikut ketetapan pihak Universiti.

A student shall obtain ethical approval from the Research Ethics Committee of the University before embarking on their research, which involves human, animal, and gene manipulation and recombinant Deoxyribonucleic Acid (DNA) etc., as specified by the University.

- 6.12 Perkara berkaitan pencalonan bagi Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda hendaklah mematuhi peraturan Badan Berkuasa dan/ atau hendaklah dipersetujui oleh Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi dan dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian.

Candidature-related matters for Joint/ Dual/ Double Degree Programme shall abide by the regulations of the Authorised Body and/ or shall be agreed upon by collaborating Higher Education Providers, as stated in the Memorandum of Agreement.



7.0 PEMANTAUAN PENGAJIAN *MONITORING OF STUDY*

7.1 Keperluan Kursus *Course Requirements*

- 7.1.1 Seseorang pelajar hendaklah menghadiri Kursus Metodologi Penyelidikan atau mana-mana kursus setara yang menyokong penyelidikan dalam bidangnya mengikut ketetapan pihak Universiti tidak lewat daripada minggu kesembilan (ke-9) semester pertama pengajiannya, jika gagal, pelajar hendaklah diberikan keputusan "Tidak Memuaskan".
A student shall attend a Research Methodology Course or any equivalent courses that support the research in their field as specified by the University, not later than the ninth (9th) week of their first semester of study, failing which, the student shall be granted an "Unsatisfactory" result.

- 7.1.2 Seseorang pelajar Program Ijazah Kedoktoran hendaklah memohon pengecualian daripada Kursus Metodologi Penyelidikan dengan menggunakan mekanisme yang ditetapkan tidak lewat daripada satu (1) bulan dari tarikh pendaftaran kemasukan dan hendaklah diluluskan dan dimaklumkan oleh entiti akademik kepada pelajar dan Pusat Pengajian Siswazah, dengan syarat:

A student of a Doctoral Degree Programme shall apply for exemption from the Research Methodology Course by using a specified mechanism not later than one (1) month from the registration date of admission and shall be approved and notified by the academic entity to the student and Centre for Postgraduate Studies, with the conditions:

- (a) nilai kredit atau jam pembelajaran pelajar bagi kursus yang pelajar jalani di Program Ijazah Sarjana adalah sama atau lebih tinggi daripada nilai kredit atau jam pembelajaran pelajar bagi kursus sesebuah Program Ijazah Kedoktoran; dan
the credit value or student learning time of the course that the student undertook at Master's Degree Programme is the same or higher than the credit value or student learning time of the course of a Doctoral Degree Programme; and
- (b) pengetahuan dan kemahiran yang terkandung dalam kursus yang pelajar ikuti di Program Ijazah Sarjana adalah relevan dan terkini serta boleh membantu pelajar menjalankan penyelidikannya di Program Ijazah Kedoktoran; atau
the knowledge and skill embedded in the course that the student undertook at Master's Degree Programme is relevant and up-to-date and could help the student to carry out their research at Doctoral Degree Programme; or

- (c) kursus relevan yang ditetapkan oleh program pengajian yang diikuti oleh seseorang pelajar di Program Ijazah Kedoktoran mempunyai komponen penyediaan cadangan penyelidikan.
the relevant course required by the study programme undertaken by a student at Doctoral Degree Programme which has the component of preparation for research proposal.

7.1.3 Seseorang pelajar hendaklah menghadiri dan/ atau lulus kursus lain yang diperlukan oleh program pengajian (jika ada).
A student shall attend and/ or pass other courses required by the study programme (if any).

7.1.4 Seseorang pelajar yang tidak mempunyai kelayakan atau pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan hendaklah mengikuti dan lulus kursus prasyarat dan/ atau penilaian dalaman yang bersesuaian mengikut keperluan program pengajian dan ketetapan Senat. Bagaimanapun, seseorang pelajar yang mempunyai kursus kelayakan mikro yang berkaitan atau kursus elektif yang berkaitan di peringkat Ijazah Sarjana Muda hendaklah mengemukakan keputusan kelayakan kepada entiti akademik bagi pertimbangan kemasukan ke sesebuah program pengajian.
A student without a related qualification in the field/s or working experience in the relevant fields shall undergo and pass appropriate prerequisite courses and/ or internal assessment required by the study programme, and is approved by the Senate. However, a student who has completed a relevant micro-credential course or a relevant elective course at Bachelor's Degree level shall submit the results of the qualification to the academic entity for consideration of admission to a study programme.

- 7.1.5 Seseorang pelajar hendaklah menambah atau menggugurkan mana-mana kursus selain daripada Kursus Metodologi Penyelidikan tidak lewat daripada minggu kedua (ke-2) semester dengan menggunakan mekanisme yang ditetapkan dan hendaklah diluluskan dan diberitahu oleh entiti akademik kepada pelajar dan Pusat Pengajian Siswazah. Jika tidak, menambah atau menggugurkan mana-mana kursus hendaklah tidak dibenarkan, kecuali bagi kes perubatan atau apa-apa sebab lain yang sangat wajar.

A student shall add or drop any courses other than the Research Methodology Course not later than the second (2nd) week of the semester by using a specified mechanism and shall be approved and notified by the academic entity to the student and the Centre for Postgraduate Studies. Otherwise, adding or dropping any course shall not be allowed, except for medical cases or any other strongly-justified reasons.

- 7.1.6 Keperluan kursus untuk Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda hendaklah mematuhi peraturan Badan Berkuasa dan/ atau hendaklah dipersetujui oleh Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi dan dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian.

Course requirements for Joint/ Dual/ Double Degree Programme shall abide by the regulations of the Authorised Body and/ or shall be agreed upon by collaborating Higher Education Providers and are stated in the Memorandum of Agreement.

7.2 **Penyeliaan** *Supervision*

7.2.1 **Pelantikan Penyelia**

Appointment of Supervisor

- (a) Seseorang pelajar hendaklah ditugaskan seorang (1) Penyelia Utama daripada sesebuah entiti akademik dan sekurang-kurangnya seorang (1) Penyelia Bersama daripada entiti akademik Universiti yang sama atau berlainan.

A student shall be assigned a Principal Supervisor from the academic entity and at least one (1) Co-Supervisor from the same or different academic entity of the University.

- (b) Seseorang staf akademik yang mempunyai kelayakan seperti dalam Jadual 1 bagi pelajar Sarjana dan Jadual 2 bagi pelajar Kedoktoran hendaklah dilantik sebagai Penyelia oleh entiti akademik serta dimaklumkan kepada pelajar dan Pusat Pengajian Siswazah.

An academic staff member who has qualifications as in Table 1 for Master's students and as in Table 2 for Doctoral students shall be appointed as Supervisor by the academic entity and shall notify the student and the Centre for Postgraduate Studies.

Jadual/Table 1: Kelayakan bagi Pelantikan Penyelia Ijazah Sarjana
Qualifications for Appointment of Supervisor for Master's Degree

Penyelia Utama <i>Principal Supervisor</i>	Penyelia Bersama <i>Co-Supervisor</i>
(1) Ijazah Kedoktoran, atau <i>A Doctoral Degree, or</i>	(1) Ijazah Kedoktoran, atau <i>A Doctoral Degree, or</i>
(2) Ijazah Sarjana dalam bidang dengan: (a) pengalaman pengajaran dan penyelidikan sekurang-kurangnya lima [5] tahun, dan (b) penyelia bersama bagi calon Sarjana; dan <i>A Master's Degree in the field with: (a) at least five [5] years of teaching and research experiences, and (b) co-supervising Master's candidate; and</i>	(2) Ijazah Sarjana dalam bidang dengan pengalaman pengajaran dan penyelidikan sekurang-kurangnya satu [1] tahun; dan <i>A Master's Degree in the field with at least one [1] year of teaching and research experiences; and</i>
(3) Bukti menjalani latihan penyeliaan yang berstruktur. <i>Evidence of undergoing structured supervision training.</i>	(3) Bukti menjalani latihan penyeliaan yang berstruktur. <i>Evidence of undergoing structured supervision training.</i>

Jadual/Table 2: Kelayakan bagi Pelantikan Penyelia Ijazah Kedoktoran

Qualifications for Appointment of Supervisor for Doctoral Degree

Penyelia Utama <i>Principal Supervisor</i>	Penyelia Bersama <i>Co-Supervisor</i>
<p>(1) Ijazah Kedoktoran dengan: (a) pengalaman pengajaran dan penyelidikan sekurang-kurangnya dua [2] tahun, dan (b) penyeliaan calon penyelidikan ijazah Sarjana atau Kedoktoran sehingga tamat; atau</p> <p><i>A Doctoral Degree with: (a) at least two [2] years of teaching and research experiences, and (b) supervision of Master's or Doctoral research candidate to completion;</i></p> <p>or</p>	<p>(1) Ijazah Kedoktoran; atau</p> <p><i>A Doctoral Degree; or</i></p>
<p>(2) Ijazah Sarjana dalam bidang dengan: (a) pengalaman penyelidikan yang luas tujuh [7] tahun atau lebih, (b) pengalaman pengajaran sekurang-kurangnya dua [2] tahun, dan (c) penyeliaan calon Sarjana atau kedoktoran secara Penyelidikan sehingga tamat; dan</p> <p><i>A Master's Degree in the field with: (a) extensive experience in research seven [7] years or more, (b) experience in teaching for at least two [2] years, and (c) supervision of Master's or doctoral research candidate to completion; and</i></p>	<p>(2) Ijazah Sarjana dengan pengalaman yang luas tujuh [7] tahun atau lebih dalam penyelidikan; dan</p> <p><i>A Master's Degree with extensive experience seven [7] years or more in research; and</i></p>

-
- | | |
|--|--|
| (3) Bukti menjalani latihan penyeliaan yang berstruktur.
<i>Evidence of undergoing structured supervision training.</i> | (3) Bukti menjalani latihan penyeliaan yang berstruktur.
<i>Evidence of undergoing structured supervision training.</i> |
|--|--|
-

- (c) Jika perlu, Penyelia Luar dan/ atau Penyelia Lapangan hendaklah dilantik untuk membantu penyeliaan penyelidikan dan pengajian seseorang pelajar. Pelantikan Penyelia Luar adalah tertakluk kepada Peraturan 7.2.1(b), manakala pelantikan Penyelia Lapangan hendaklah memenuhi kriteria berikut:
- If necessary, an External and/ or Field Supervisor shall be appointed to assist in the supervision of a student's research and study. The appointment of the External Supervisor shall be subject to Regulation 7.2.1(b), while the appointment of the Field Supervisor shall meet the following criteria:*
- (i) Bagi Program Sarjana, seseorang penyelia hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dengan pengalaman dalam bidang tidak kurang daripada lima (5) tahun.
- For a Master's Programme, a supervisor shall have at least a Bachelor's Degree with experience in the field of not less than five (5) years.*

- (ii) Bagi Program Kedoktoran, seseorang penyelia hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dengan pengalaman dalam bidang tidak kurang daripada sepuluh (10) tahun.

For a Doctoral Programme, a supervisor shall have at least a Bachelor's Degree with experience in the field of not less than ten (10) years.

7.2.2 Pertukaran dan Pelantikan Penyelia

Change and Appointment of Supervisor

- (a) Seseorang pelajar hendaklah tidak digalakkan untuk menukar penyelia. Walau bagaimanapun, dengan justifikasi yang kukuh, pelajar hendaklah memohon untuk menukar penyelia dengan menggunakan mekanisme yang ditetapkan.

A student is discouraged to change their supervisor. However, with strong justification, they shall apply to change supervisor by using a specified mechanism.

- (b) Pertukaran penyelia hendaklah dipertimbangkan kelulusan oleh entiti akademik dan dimaklumkan kepada pelajar dan Pusat Pengajian Siswazah, jika:

Change of supervisor shall be considered for approval by the academic entity and is notified to the student and Centre for Postgraduate Studies, should:

- (i) justifikasi permohonan seseorang pelajar adalah munasabah dan kukuh;
justification of a student's application is reasonable and strong;
 - (ii) seseorang Penyelia Utama tidak lagi berkhidmat dengan Universiti, tetapi beliau boleh dilantik sebagai Penyelia Bersama sekiranya beliau berkhidmat di entiti akademik atau industri;
a Principal Supervisor is no longer with the University, but he could be appointed as Co-Supervisor if they are employed by an academic or industrial entity;
 - (iii) seseorang Penyelia Bersama tidak lagi berkhidmat dengan Universiti dan pelajarinya belum menduduki Pra Peperiksaan Lisan [Peraturan 7.4]; atau
a Co-Supervisor is no longer with the University and their student has not sat for Pre Viva Voce [Peraturan 7.4]; or
 - (iv) entiti akademik mempunyai sebarang justifikasi lain yang kukuh.
academic entity has any other strong justifications.
- (d) Seseorang penyelia yang telah meninggalkan Universiti hendaklah tidak dipertimbangkan pelantikan sebagai Penyelia Luar atau Penyelia Lapangan dalam tempoh tiga (3) tahun dari tarikh perpindahannya.
A supervisor who left the University shall not be considered for appointment as External Supervisor or Field Supervisor within three (3) years from the date of their departure.

7.2.3 Konsultasi dengan Penyelia

Consultation with Supervisor

- (a) Seseorang pelajar hendaklah berunding dengan penyelia, khususnya Penyelia Utama secara fizikal dan/ atau maya sekurang-kurangnya tiga (3) kali bagi pelajar sepenuh masa dan dua (2) kali bagi pelajar separuh masa pada setiap semester, jika gagal pelajar hendaklah diberikan keputusan “Tidak Memuaskan”.

A student shall consult their supervisor, particularly the Principal Supervisor, physically and/ or virtually at least thrice (3 times) for a full-time student and twice (2 times) for a part-time student for each semester, failing which, the student shall be granted an “Unsatisfactory” result.

- (b) Setiap konsultasi hendaklah direkodkan dan dikemas kini oleh pelajar dan penyelia menggunakan mekanisme yang ditetapkan.

Each consultation shall be recorded and updated by the student and supervisor using a specified mechanism.

- 7.2.4 Perkara berkaitan penyeliaan (termasuk kos lawatan penyelia) bagi Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda hendaklah mematuhi peraturan Badan Berkuasa dan/ atau hendaklah dipersetujui oleh Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi dan dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian.

Supervision-related matters (including costs of supervisor’s visits) for Joint/ Dual/ Double Degree Programme shall abide by the regulations of the Authorised Body and/ or shall be agreed upon by collaborating Higher Education Providers, as stated in the Memorandum of Agreement.

7.3 Penilaian Cadangan Penyelidikan

Proposal Defense

- 7.3.1 Seseorang pelajar hendaklah memohon kepada entiti akademik dengan menggunakan mekanisme yang ditetapkan untuk menduduki Penilaian Cadangan Penyelidikan dan menyerahkan bersama Cadangan Penyelidikannya tidak lewat daripada empat (4) minggu sebelum tarikh Penilaian Cadangan Penyelidikan. Cadangan ini hendaklah disemak oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang penyemak dalam bidang atau bidang berkaitan yang dilantik oleh entiti akademik.

A student shall apply to an academic entity by using a specified mechanism to sit for Proposal Defense and submit their Research Proposal together not later than four (4) weeks prior to a specified date of Proposal Defense. This Proposal shall be reviewed by at least two (2) reviewers in the field or relevant fields who are appointed by an academic entity.

- 7.3.2 Seseorang pelajar yang mengemukakan permohonannya seperti dalam peraturan 7.3.1 hendaklah menghadapi Jawatankuasa Penilaian Cadangan Penyelidikan tidak lewat daripada semester terkumpul pengajiannya seperti dalam Jadual 3, jika gagal, pelajar hendaklah diberikan keputusan "Tidak Memuaskan".

A student who submits their application as in Regulation 7.3.1 shall sit before a Proposal Defense Committee not later than their cumulative semester of study as in Table 3, failing which, the student shall be granted an "Unsatisfactory" result.

Jadual/Table 3: Rangka Masa Penilaian Cadangan Penyelidikan
Time Frame for Proposal Defense

Program Pengajian <i>Study Programme</i>	Mod Pengajian <i>Mode of Study</i>	
	Sepenuh Masa <i>Full Time</i>	Separuh Masa <i>Part Time</i>
Sarjana <i>Master</i>	Semester Kedua (Ke-2) <i>Second (2nd) Semester</i>	Semester Ketiga (Ke-3) <i>Third (3rd) Semester</i>
Kedoktoran <i>Doctorate</i>	Semester Ketiga (Ke-3) <i>Third (3rd) Semester</i>	Semester Keempat (Ke-4) <i>Fourth (4th) Semester</i>

- 7.3.3 Sesebuah Jawatankuasa Penilaian Cadangan Penyelidikan yang dilantik oleh entiti akademik hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli, iaitu seorang (1) pengerusi dan sekurang-kurangnya dua (2) orang penyemak seperti dalam Peraturan 7.3.1 dan dibantu oleh seorang (1) penolong pengerusi. Kelayakan ahli jawatankuasa, seboleh mungkin, hendaklah mematuhi Peraturan 8.3.2.

A Proposal Defense Committee appointed by an academic entity shall consist of at least three (3) members, namely a chairman and at least two (2) reviewers, as in Regulation 7.3.1, and is assisted by an assistant chairman. Qualification of the committee members, wherever possible, shall abide by Regulation 8.3.2.

- 7.3.4 Berdasarkan Cadangan Penyelidikan dan prestasi lisan, seseorang pelajar yang menduduki Penilaian Cadangan Penyelidikan hendaklah digredkan sebagai:

Based on the Research Proposal and oral performance, a student who sits for the Proposal Defense shall be graded as:



(1) **CEMERLANG**
EXCELLENT

- (a) Calon telah mencapai merit akademik yang mencukupi untuk meneruskan pengajiannya dengan tiada atau sedikit pembetulan dalam Cadangan Penyelidikan yang boleh dibuat tidak lewat daripada satu (1) bulan dari tarikh Penilaian Cadangan Penyelidikan dan disahkan oleh Penyelia Utama sahaja; atau
The candidate has attained sufficient academic merit to continue their study with no or little correction in the Research Proposal, which can be made not later than one (1) month from the date of Proposal Defense, and is verified by the Principal Supervisor only; or
- (b) Khas bagi calon Program Ijazah Sarjana, calon telah mencapai merit akademik yang mencukupi untuk meneruskan pengajiannya dengan tiada atau sedikit

pembetulan dalam Cadangan Penyelidikan yang boleh dibuat tidak lewat daripada satu (1) bulan dari tarikh Penilaian Cadangan Penyelidikan dan disahkan oleh Penyelia Utama sahaja; serta disyorkan penukaran pencalonannya ke Program Ijazah Kedoktoran dalam bidang yang sama atau serupa, tetapi tertakluk kepada Peraturan 6.5.2; atau *Specially for candidate of a Master's Degree Programme, the candidate has attained sufficient academic merit to continue their study with no or little correction in Research Proposal which can be made not later than one (1) month from the date of Proposal Defense and is verified by Principal Supervisor only; and recommended for conversion of their candidature to a Doctoral Degree Programme in the same or similar field, but subject to Regulation 6.5.2; or*

(2) **MEMUASKAN**
SATISFACTORY

- (a) Calon telah mencapai merit akademik yang mencukupi untuk meneruskan pengajiannya dengan pembetulan atau penambahbaikan minor dalam Cadangan Penyelidikan yang boleh dibuat tidak lewat daripada dua (2) bulan dari tarikh Penilaian Cadangan Penyelidikan dan disahkan oleh Penyelia Utama dan Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Cadangan Penyelidikan; atau *The candidate has attained sufficient academic merit to continue their study with minor correction or improvement in Research Proposal which can be made not later than two (2) months from the date of Proposal Defense and is verified Principal Supervisor and Chairman of Proposal Defense Committee; or*

- (b) Calon telah mencapai merit akademik yang mencukupi untuk meneruskan pengajiannya dengan pembetulan atau penambahbaikan major dalam Cadangan Penyelidikan yang boleh dibuat tidak lewat daripada tiga (3) bulan dari tarikh Penilaian Cadangan Penyelidikan dan disahkan oleh Penyelia Utama dan Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Cadangan Penyelidikan; atau

The candidate has attained sufficient academic merit to continue their study with major correction or improvement in Research Proposal which can be made not later than three (3) months from the date of Proposal Defense and is verified by Principal Supervisor and Chairman of Proposal Defense Committee; or

**(3) PENILAIAN SEMULA CADANGAN PENYELIDIKAN
RE PROPOSAL DEFENSE**

Calon dikehendaki menambah baik sebahagian besar daripada Cadangan Penyelidikannya dan menduduki Penilaian Semula Cadangan Penyelidikan.

The candidate is required to substantially improve their Research Proposal and sit for Re Re-Proposal Defense.

- 7.3.5 Seseorang calon yang dikehendaki menduduki Penilaian Semula Cadangan Penyelidikan hendaklah tertakluk kepada Peraturan 7.3.1 dan menghadapi Jawatankuasa [Peraturan 7.3.3] tidak lewat daripada semester terkumpul pengajiannya seperti dalam Jadual 4, jika gagal, calon hendaklah diberikan keputusan "Tidak Memuaskan". Dengan justifikasi yang kukuh, entity akademik hendaklah menggantikan dan melantik penyemak atau ahli Jawatankuasa yang baharu.

A candidate who is required to sit for the Re Proposal Defense shall be subject to Regulation 7.3.1 and sit before the Committee [Regulation 7.3.3] not later than their cumulative

semester of study as in Table 4, failing which, the candidate shall be granted an “Unsatisfactory” result. With strong justification, the academic entity shall replace and appoint a new reviewer or member of the Committee.

Jadual/Table 4: Rangka Masa Penilaian Semula Cadangan Penyelidikan

Time Frame for Re Proposal Defense

Program Pengajian <i>Study Program</i>	Mod Pengajian <i>Mode of Study</i>	
	Sepenuh Masa <i>Full Time</i>	Separuh Masa <i>Part Time</i>
Sarjana <i>Master</i>	Semester Ketiga (Ke-3) <i>Third (3rd) Semester</i>	Semester Keempat (Ke-4) <i>Fourth (4th) Semester</i>
Kedoktoran <i>Doctorate</i>	Semester Keempat (Ke-4) <i>Fourth (4th) Semester</i>	Semester Kelima (Ke-5) <i>Fifth (5th) Semester</i>

7.3.6 Seseorang calon yang menduduki Penilaian Semula Cadangan Penyelidikan hendaklah digredkan sebagai:
A candidate who sits for Re Proposal Defense shall be graded as:

(1) **MEMUASKAN**
SATISFACTORY

Calon telah mencapai merit akademik yang mencukupi untuk meneruskan pengajian dengan pembedaan atau penambahbaikan minor dalam Cadangan Penyelidikan yang boleh dibuat tidak lewat daripada satu (1) bulan dari tarikh Penilaian Semula Cadangan Penyelidikan dan disahkan oleh Penyelia Utama sahaja; atau

The candidate has attained sufficient academic merit to continue their study with minor correction or improvement in Research Proposal which can be made not later than one (1) month from the date of Re Proposal Defense and is verified by Principal Supervisor only; or

(2) **TIDAK MEMUASKAN**
UNSATISFACTORY

Calon tidak mencapai merit akademik yang mencukupi dan:

The candidate has not attained sufficient academic merit and:

(a) diperlukan untuk menduduki Penilaian Semula Cadangan Penyelidikan mengikut ketetapan entiti akademik; atau
is required to sit for Re Proposal Defense as determined by academic entity; or

- (b) dibenarkan meneruskan pengajiannya tertakluk kepada pematuhan keperluan pencalonan yang lain.

is allowed to continue their study subject to the fulfillment of other candidature requirements.

7.3.7 Seseorang pelajar di bawah Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda hendaklah memenuhi keperluan Penilaian Cadangan Penyelidikan Universiti semasa pelajar mendaftar di Universiti dan sebaliknya atau seperti yang dipersetujui oleh Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi dan dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian.

A student under the Joint/ Dual/ Double Degree Programme shall comply with Proposal Defense requirements of the University while they enrolls at the University and vice versa, or as agreed upon by collaborating Higher Education Providers and as stated in the Memorandum of Agreement.

7.4 Pra Peperiksaan Lisan

Pre Viva Voce

7.4.1 Entiti akademik dikehendaki mengadakan Pra Peperiksaan Lisan kepada calon sebelum menduduki Peperiksaan Lisan sebenar serta mengawalselia kualiti pelaksanaannya. Pra Peperiksaan Lisan berfungsi untuk meningkatkan kualiti penyelidikan dan tesis.

Academic entities are required to conduct a Pre-Viva Voce Examination for candidates prior to the actual Viva Voce Examination. The academic entity shall oversee the quality of the Pre-Viva Voce Examination.

This examination serves to enhance the quality of both the research and the thesis.

- 7.4.2 Seseorang calon di bawah Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda hendaklah mematuhi keperluan Pra Peperiksaan Lisan Universiti semasa dia mendaftar di Universiti dan sebaliknya atau seperti yang dipersetujui oleh Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi dan dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian.

A candidate under Joint/ Dual/ Double Degree Programme shall comply with Pre Viva Voce requirements of the University while they enroll at the University and vice versa or as agreed upon by collaborating Higher Education Providers and as stated in the Memorandum of Agreement.

7.5 Mekanisme Pemantauan Lain ***Other Monitoring Mechanisms***

- 7.5.1 Entiti akademik hendaklah dibenarkan untuk mengadakan mekanisme pemantauan lain, termasuk pembentangan, kolokium, seminar, dan bengkel.

An academic entity shall be allowed to have other monitoring mechanisms, including presentation, colloquium, seminar, and workshop.

- 7.5.2 Entiti akademik hendaklah menyediakan garis panduan untuk mana-mana mekanisme dalam Peraturan 7.5.1.

The academic entity shall provide guidelines for any such mechanism in Regulation 7.5.1.

- 7.5.3 Seseorang pelajar di bawah Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda hendaklah mematuhi keperluan pemantauan lain semasa pelajar mendaftar di mana-mana entiti akademik Universiti dan sebaliknya atau seperti yang dipersetujui oleh Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi dan dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian.

A student under Joint/ Dual/ Double Degree Programme shall comply with other monitoring requirements while they enroll at any academic entity of the University and vice versa, or as agreed upon by collaborating Higher Education Providers and as stated in the Memorandum of Agreement.

7.6 Kemajuan Pengajian

Study Progress

- 7.6.1. Seseorang pelajar hendaklah mengemukakan laporan kemajuan pengajiannya pada minggu kedua belas (ke-12) setiap semester dengan menggunakan mekanisme yang ditetapkan dan hendaklah disyorkan oleh Penyelia Utama dan disahkan oleh entiti akademik. Laporan kemajuan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Pusat Pengajian Siswazah tidak lewat daripada enam (6) minggu sebelum semester baharu bermula untuk tindakan selanjutnya.

A student shall submit their progress report of study on the twelfth (12th) week of each semester by using a specified mechanism and shall be recommended by the Principal Supervisor and endorsed by the academic entity. A complete progress report shall be submitted to the Centre for Postgraduate Studies not later than six (6) weeks before a new semester commences for further action.

- 7.6.2 Kemajuan pengajian seseorang pelajar hendaklah diberikan keputusan "Memuaskan" atau "Tidak Memuaskan".

Progress of study of a student shall be granted "Satisfactory" or "Unsatisfactory" result.

- 7.6.3 Seseorang pelajar hendaklah diberikan keputusan "Tidak Memuaskan", sekiranya gagal memenuhi satu (1) atau lebih daripada keperluan berikut:

A student shall be granted an "Unsatisfactory" result should they fail to meet one (1) or more of the following requirements:

- (a) Konsultasi dengan Penyelia [Peraturan 7.2.3 atau Peraturan 7.2.4];
Consultation with Supervisor [Regulation 7.2.3 or Regulation 7.2.4];
- (b) Penilaian Cadangan Penyelidikan [Peraturan 7.3.2, Peraturan 7.3.5, atau Peraturan 7.3.7];
Proposal Defense [Regulation 7.3.2, Regulation 7.3.5, or Regulation 7.3.7];
- (c) Pra Peperiksaan Lisan [Peraturan 7.4.2, Peraturan 7.4.5, atau Peraturan 7.4.7]; dan/atau
Pre Viva Voce [Regulation 7.4.2, Regulation 7.4.5, or Regulation 7.4.7]; and/or
- (d) Penghantaran Laporan Kemajuan Pengajian lengkap pada masa yang ditetapkan [Peraturan 7.6.1].
Submission of a complete Progress Report of Study on a specified time [Regulation 7.6.1].

- 7.6.4 Seseorang pelajar yang mendapat keputusan “Memuaskan” hendaklah dibenarkan meneruskan pengajiannya, manakala seseorang pelajar yang mendapat satu (1) atau dua (2) keputusan “Tidak Memuaskan”, sama ada secara berturut-turut atau terkumpul, hendaklah dibenarkan meneruskan pengajiannya dengan amaran.
A student with “Satisfactory” result shall be allowed to continue their study, while a student who is granted with one (1) or two (2) “Unsatisfactory” result, either consecutively or cumulatively, shall be allowed to continue their study with warning.
- 7.6.5 Seseorang pelajar yang diberikan tiga (3) keputusan “Tidak Memuaskan”, sama ada secara berturut-turut atau terkumpul, hendaklah ditamatkan pencalonan atau pengajiannya [Peraturan 6.10.1(e)].
A student who is granted three (3) “Unsatisfactory” result, either consecutively or cumulatively, shall be terminated from their candidature or study [Regulation 6.10.1(e)].
- 7.6.6 Seseorang pelajar di bawah Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda hendaklah mematuhi keperluan laporan kemajuan Universiti semasa pelajar mendaftar di Universiti dan sebaliknya atau seperti persetujuan Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi dan dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian.
A student under Joint/ Dual/ Double Degree Programme shall comply with progress report requirements of the University while they enroll at the University and vice versa or as agreed upon by collaborating Higher Education Providers and is stated in Memorandum of Agreement.



8.0 PEMERIKSAAN TESIS DAN PEPERIKSAAN LISAN *THESIS EXAMINATION AND VIVA VOCE*

8.1 Tesis *Thesis*

8.1.1 Sesebuah tesis hendaklah:

A thesis shall:

- (a) ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Penggunaan bahasa lain hendaklah dipertimbangkan, tetapi seseorang pelajar hendaklah memohon kepada entiti akademik pada semester pertama pengajian. Permohonan hendaklah diluluskan oleh Senat dan dimaklumkan kepada pelajar dan entiti akademik oleh Pusat Pengajian Siswazah.

be written in the Malay or English language. The usage of other languages shall be considered, but a student shall

apply to an academic entity in the first semester of study. The application shall be approved by the Senate and notified to the student and academic entity by the Centre for Postgraduate Studies.

- (b) mematuhi Garis Panduan Laporan Penyelidikan Universiti;
comply with the University's Guidelines for Research Report;
- (c) tidak pernah diserahkan kepada mana-mana Pemberi Pendidikan Tinggi lain bagi tujuan pemeriksaan. Walau bagaimanapun, mana-mana bahagian tesis boleh disertakan dengan petikan yang jelas;
never be submitted to any other Higher Education Provider for examination. However, any part of the thesis could be included with clear citation;
- (d) Dibaca oleh pembaca prof dari Unit Terjemahan dan Penyuntingan (Translation and Editing Unit, TEU) Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI) Universiti Malaysia Kelantan. Calon perlu memberikan bukti pembacaan prof abstrak tesis yang telah diterjemah dan disunting oleh Unit Terjemahan dan Penyuntingan (Translation and Editing Unit, TEU);
Proofread by a proofreader from the Translation and Editing Unit (TEU), Faculty of Language Studies and Human Development (FBI), Universiti Malaysia

Kelantan. Candidates must provide proof that the abstract has been translated, edited, and proofread by the Translation and Editing Unit (TEU).

- (e) menunjukkan bukti ujian plagiarisme dengan indeks persamaan tidak melebihi 25% dan disahkan oleh pihak Perpustakaan; dan
show proof of plagiarism test with similarity index of not more than 25% and is verified by the library; and
- (f) tertakluk kepada Polisi Aset Intelekt Universiti.
be subject to University Intellectual Asset Policy.

- 8.1.2 Keperluan tesis bagi Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda hendaklah mematuhi peraturan Badan Berkuasa dan/ atau dipersetujui oleh Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi dan dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian.
Thesis requirements for Joint/ Dual/ Double Degree Programme shall abide by the regulations of the Authorised Body and/ or be agreed upon by collaborating Higher Education Providers and as stated in Memorandum of Agreement.

8.2 Penyerahan Tesis

Thesis Submission

- 8.2.1 Satu Notis Penyerahan Tesis dengan menggunakan mekanisme yang ditetapkan hendaklah dikemukakan oleh seseorang calon kepada entiti akademik tidak lewat daripada tiga (3) bulan sebelum penyerahan tesis bagi tujuan pemeriksaan. Ia hendaklah dimajukan oleh entiti akademik kepada Pusat Pengajian Siswazah bagi mendapatkan kelulusan Senat atau jawatankuasanya.

A Notice of Thesis Submission by using a specified mechanism shall be submitted by a candidate to the academic entity not later than three (3) months prior to submission of the thesis for examination. It shall be forwarded by the academic entity to the Centre for Postgraduate Studies for approval by the Senate or its committee.

- 8.2.2 Sebaik sahaja pemakluman rasmi penyerahan tesis bagi tujuan pemeriksaan oleh Pusat Pengajian Siswazah kepada calon dan entiti akademik, seseorang calon hendaklah:

Upon an official notification of thesis submission for examination by the Centre for Postgraduate Studies to the candidate and academic entity, a candidate shall:

- (a) menunjukkan bukti pembayaran yuran pemeriksaan tesis seperti dalam Peraturan 5.1.4; dan
show a proof of payment of thesis examination fee as in Regulation 5.1.4; and
- (b) menyerahkan tiga (3) salinan tesis berjilid lembut dan salinan lembut tesis kepada entiti akademik untuk dihantar kepada pemeriksa.

submit three (3) copies of the soft-bound thesis and a soft copy thesis to academic entity to be sent to examiner.

- 8.2.3 Seseorang calon hendaklah menyerahkan tesis tidak lewat daripada tiga (3) bulan dari tarikh pemakluman penyerahan tesis [Peraturan 8.2.2]. Jika gagal dan tertakluk kepada Peraturan 8.2.4, seseorang calon hendaklah memohon pelanjutan tempoh penyerahan tesis kepada entiti akademik sebelum permohonan ini dipertimbang dan dimaklumkan kelulusan oleh Pusat Pengajian Siswazah kepada calon dan entiti akademik.

A candidate shall submit their thesis not later than three (3) months from the notification date of thesis submission [Regulation 8.2.2]. If they fail, they are subject to Regulation 8.2.4; a candidate shall apply for an extension of thesis submission to the academic entity before this application is considered, and the notification of approval to the candidate and academic entity is through the Centre for Postgraduate Studies.

- 8.2.4 Seseorang calon yang gagal menyerahkan tesis dalam tempoh (6) bulan dari tarikh pemakluman seperti dalam Peraturan 8.2.2 hendaklah mengemukakan semula Notis Penyerahan Tesis.

A candidate who fails to submit their thesis within six (6) months from the date of notification, as in Regulation 8.2.2 shall resubmit their Notice of Thesis Submission.

- 8.2.5 Keperluan penyerahan tesis bagi Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda hendaklah mematuhi peraturan Badan Berkuasa dan/ atau dipersetujui oleh Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi dan dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian.

Thesis submission requirements for Joint/ Dual/ Double Degree Programme shall abide by the regulations of the Authorised Body and/ or be agreed upon by collaborating Higher Education Providers and as stated in the Memorandum of Agreement.



8.3 Pemeriksaan Tesis

Thesis Examination

- 8.3.1 Sesebuah tesis sarjana atau kedoktoran hendaklah diperiksa oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang pemeriksa, iaitu seorang (1) daripadanya ialah pemeriksa luar, kecuali tesis staf Universiti hendaklah diperiksa oleh dua (2)

pemeriksa luar dan tiada pemeriksa dalam. Sesebuah tesis pelbagai disiplin hendaklah diperiksa oleh lebih daripada dua (2) orang pemeriksa.

A Master or doctoral thesis shall be examined by at least two (2) examiners, one (1) of whom is an external examiner, except for a thesis of the University's staff, which shall be examined by two (2) external examiners and no internal examiner. A multidisciplinary thesis shall be examined by more than two (2) examiners.

8.3.2 Pemeriksa hendaklah:

The examiner shall:

- (a) mempunyai kelayakan akademik minimum tidak kurang daripada penyelia; atau
have a minimum qualification of no less than the supervisor;
- (b) mempunyai pengalaman yang mencukupi dalam bidang yang berkaitan bagi pemeriksa yang tidak mempunyai kelayakan yang diperlukan;
have sufficient experience in relevant fields for examiner who has no required qualification;
- (c) berasal dari bidang yang berkaitan dengan penyelidikan seseorang calon yang diperiksa;
belong to the field related to the research of a candidate under examination;

- (d) telah menyelia calon lain di peringkat yang berkaitan;
have supervised other candidate at the relevant level;
- (e) terlibat dalam penyelidikan dan telah menghasilkan penerbitan yang boleh dipercayai atau karya yang setara;
be engaged in research and have produced credible publications or equivalent works;
- (f) dikecualikan daripada Peraturan 8.3.2(d) dan Peraturan 8.3.2(e), jika pemeriksa daripada industri; dan
be exempted from Regulation 8.3.2(d) and Regulation 8.3.2(e), should the examiner come from the industry; and
- (g) bukan seseorang staf yang telah meninggalkan Universiti dalam tempoh tiga (3) tahun dari tarikh perpindahannya.
not be a staff who left the University within three (3) years from the date of their departure.
- (h) tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan penyelia atau calon.
does not have a close family relationship with either the supervisor or the candidate.



- 8.3.3 Setelah diluluskan oleh Senat atau Jawatankuasanya, pemeriksa hendaklah dilantik oleh Pusat Pengajian Siswazah dan dimaklumkan kepada entiti akademik. Sekiranya terdapat pemeriksa yang tidak dapat melaksanakan tugas, pemeriksa simpanan hendaklah dilantik untuk pemeriksaan tesis.

Upon approval by the Senate or its Committee, an examiner shall be appointed by the Centre for Postgraduate Studies and notified to the academic entity. Should any examiner be unable to perform their duty, a reserved examiner shall be appointed for the thesis examination.

- 8.3.4 Seseorang pemeriksa hendaklah melengkapkan dan menghantar laporan pemeriksaan tesis tidak lewat daripada empat (4) minggu bagi tesis sarjana dan lapan (8) minggu bagi tesis doktor falsafah dari tarikh penghantaran tesis untuk pemeriksaan.

An examiner shall complete and send their thesis examination report no later than four (4) weeks for a master's thesis and eight (8) weeks for a doctoral thesis from the date of thesis submission for examination.

8.3.5 Keputusan pemeriksaan tesis hendaklah digred seperti berikut:

The result of the thesis examination shall be graded as follows:

(1) **LULUS**
PASS

(a) Dengan Kepujian
With Distinction

Calon dianugerahkan Ijazah Dengan Kepujian apabila semua atau sebahagian besar kerja penyelidikan telah diterbitkan atau diterima untuk penerbitan dalam jurnal berindeks yang diiktiraf, dan tanpa atau memerlukan pembetulan atau penambahbaikan yang minimum dalam ejaan, tatabahasa dan sintaks serta disahkan oleh Penyelia Utama sahaja;

The candidate is awarded the Degree with Distinction when all or most of the research work has been published or accepted for publication in recognised indexed journals, and it requires no or minimal correction or improvement in spelling, grammar, and syntax, and is verified by the Principal Supervisor only; or

(b) Calon telah mencapai merit akademik yang mencukupi bagi penganugerahan ijazah tanpa atau memerlukan pembetulan atau penambahbaikan yang minimum dalam ejaan,

tatabahasa dan sintaks boleh dibuat tidak lewat daripada tiga (3) bulan selepas tarikh Peperiksaan Lisan dan disahkan oleh Penyelia Utama dan Pemeriksa Dalam; atau

The candidate has attained sufficient academic merit for conferment of the degree with no or minimal correction or improvement in spelling, grammar, and syntax, which can be made no later than three (3) months from the date of Viva Voce and is verified by Principal Supervisor and Internal Examiner; or

- (c) Calon telah mencapai merit akademik yang mencukupi bagi penganugerahan ijazah dengan pembedahan atau penambahbaikan minor dalam tesis yang boleh dibuat tidak lewat daripada enam (6) bulan dari tarikh Peperiksaan Lisan dan disahkan oleh Penyelia Utama dan Pemeriksa Dalam atau Pemeriksa Luar, jika calon ialah staf Universiti; atau

The candidate has attained sufficient academic merit for conferment of the degree with minor correction or improvement in the thesis which can be made not later than six (6) months from the date of Viva Voce and is verified by Principal Supervisor and Internal Examiner or External Examiner, if the candidate is the University's staff; or

- (d) Calon telah mencapai merit akademik yang mencukupi bagi penganugerahan ijazah dengan pembetulan atau penambahbaikan major dalam tesis yang boleh dibuat tidak lewat daripada sembilan (9) bulan dari tarikh Peperiksaan Lisan dan disahkan oleh Penyelia Utama dan Pemeriksa Dalam atau Pemeriksa Luar, jika calon ialah staf Universiti; atau

The candidate has attained sufficient academic merit for conferment of the degree with major correction or improvement in the thesis which can be made not later than nine (9) months from the date of Viva Voce and is verified by Principal Supervisor and Internal Examiner or External Examiner, if the candidate is the University's staff; or

(2) **PEPERIKSAAN SEMULA**
REEXAMINATION

Calon dikehendaki menjalankan kerja lanjutan dan/atau menambah baik tesis dengan banyaknya tidak lewat daripada dua belas (12) bulan dari tarikh Peperiksaan Lisan serta menyerahkan semula tesis untuk:

The candidate is required to undertake further work and/or substantially improve the thesis not later than twelve (12) months from the date of Viva Voce and resubmit the thesis for:

- (a) Pemeriksaan Semula Tesis; atau
Thesis Reexamination; or
- (b) Pemeriksaan Semula Tesis dan
Peperiksaan Lisan Ulangan; atau
*Thesis Reexamination and Re Viva
Voce; or*

(3) **GAGAL**
FAIL

Calon gagal mencapai merit akademik dan tidak layak untuk dianugerahkan Ijazah, tidak dibenarkan menghantar semula tesis untuk pemeriksaan lanjut, dan ditamatkan pencalonan [Peraturan 6.10.1(l)].

The candidate fails to attain academic merit and is not eligible to be awarded the Degree, not allowed to resubmit the thesis for further examination, and is terminated from their candidature [Regulation 6.10.1(l)].



- 8.3.6 Seseorang calon yang diperlukan untuk pemeriksaan semula seperti dalam Peraturan 8.3.5(2) hendaklah mematuhi Peraturan 8.1 dan Peraturan 8.2 [kecuali Peraturan 8.2.1] dan menghadapi pemeriksa [Peraturan 8.3.3] dan jika berkenaan, Jawatankuasa Peperiksaan Lisan yang sama [Peraturan 8.4.1]. Calon hendaklah digredkan sebagai:

A candidate who is required to do reexamination as in Regulation 8.3.5(2) shall abide by Regulation 8.1 and Regulation 8.2 [except for Regulation 8.2.1] and have the same examiners [Regulation 8.3.3] and, if applicable, the Viva Voce Committee [Regulation 8.4.1]. The candidate shall be graded as:

- (1) **LULUS**
PASS

Calon telah mencapai merit akademik yang mencukupi untuk penganugerahan ijazah dengan pembedulan atau penambahbaikan dalam tesis yang boleh dibuat tidak lewat daripada tiga (3) bulan dari tarikh laporan pemeriksaan diterima oleh calon atau Peperiksaan Lisan dan disahkan oleh Penyelia Utama dan Pemeriksa Dalam atau Pemeriksa Luar, jika calon ialah staf Universiti.

The candidate has attained sufficient academic merit for conferment of the degree with correction or improvement in the thesis which can be made not later than three (3)

months from the date of examination report received by the candidate or Viva Voce and is verified by Principal Supervisor and Internal Examiner or External Examiner, if the candidate is the University's staff.

(2) **GAGAL**
FAIL

Calon gagal mencapai merit akademik dan tidak layak untuk dianugerahkan Ijazah, tidak dibenarkan menghantar semula tesis untuk pemeriksaan lanjut, dan ditamatkan pencalonan [Peraturan 6.10.1(l)].

The candidate fails to attain academic merit and is not eligible to be awarded the Degree, not allowed to resubmit the thesis for further examination, and is terminated from their candidature [Regulation 6.10.1(l)].

- 8.3.7 Keperluan pemeriksaan tesis bagi Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda hendaklah mematuhi peraturan Badan Berkuasa dan/ atau hendaklah dipersetujui oleh Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi dan dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian.

Thesis examination requirements for the Joint/ Dual/ Double Degree Programme shall abide by the regulations of the Authorised Body and/ or shall be agreed upon by collaborating Higher Education Providers, as stated in the Memorandum of Agreement.

▶ Academics

	Monday	Tuesday	Wednesday	
	12:00 - 17:00	8:00 - 16:00	08:00 - 11:00	
	1177-A	1227-A	2177-C	
	Basic Calculus	Calculus I		
			11:00 - 17:00	

8.4 Peperiksaan Lisan *Viva Voce*

- 8.4.1 Seseorang calon hendaklah menduduki Peperiksaan Lisan di hadapan sebuah Jawatankuasa Peperiksaan Lisan yang terdiri daripada seorang Pengerusi (seorang profesor atau profesor madya, dan sebaik-baiknya profesor bagi calon Kedoktoran) dan Pemeriksa Dalam, atau Pemeriksa Luar serta dibantu oleh seorang Penolong Pengerusi (ahli akademik dengan Ijazah Kedoktoran yang menyediakan nota dan laporan Peperiksaan Lisan). Pemeriksa Luar hendaklah dijemput oleh entiti akademik, terutamanya apabila seseorang calon ialah staf Universiti atau keputusan

pemeriksaan tesis oleh para pemeriksa adalah berbeza dalam dua (2) gred ataupun lebih. Dengan kelulusan Senat atau Jawatankuasanya, Pengerusi dan Penolong Pengerusi Jawatankuasa ini hendaklah dilantik oleh Pusat Pengajian Siswazah dan dimaklumkan kepada entiti akademik.

A candidate shall sit for a Viva Voce before a Viva Voce Committee comprising a Chairman (a professor or associate professor, and preferably a professor for a Doctoral candidate) and an Internal Examiner, or an External Examiner, and assisted by an Assistant Chairman (an academic with a Doctoral Degree who prepares notes and a report of the Viva Voce). The external examiner shall be invited by the academic entity, particularly when a candidate is the University's staff or the results of the thesis examination by examiners differ by two (2) grades or more. With approval of the Senate or its committee, the Chairman and Assistant Chairman of the Committee shall be appointed by the Centre for Postgraduate Studies and notified to the academic entity.

- 8.4.2 Sesuatu Peperiksaan Lisan bagi seseorang calon hendaklah diatur secara fizikal dan/atau maya oleh entiti akademik pada tarikh seperti yang dinyatakan dalam surat pelantikan pemeriksa atau tidak lewat daripada dua (2) minggu dari tarikh penerimaan laporan pemeriksaan tesis daripada para pemeriksa.

A Viva Voce for a candidate shall be arranged physically or virtually by the academic entity on a

date as stated in the appointment letter of examiners or not later than two (2) weeks from the date of receiving thesis examination reports from examiners.

- 8.4.3 Sebaik sahaja prestasi lisan seseorang calon diperiksa, Jawatankuasa Peperiksaan Lisan hendaklah mengekalkan atau mengubah cadangan keputusan seperti dalam Peraturan 8.3.5 atau Peraturan 8.3.6 (jika berkenaan) dalam mekanisme yang ditetapkan.

Once an oral performance of a candidate is examined, the Viva Voce Committee shall maintain or change the recommendation of the result as in Regulation 8.3.5 or Regulation 8.3.6 (if applicable) in a specified mechanism.

- 8.4.4 Keperluan Peperiksaan Lisan untuk Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda hendaklah mematuhi peraturan Badan Berkuasa dan/ atau hendaklah dipersetujui oleh Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi dan dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian.

Viva Voce requirements for Joint/ Dual/ Double Degree Programme shall abide by regulations of the Authorised Body and/ or shall be agreed upon by collaborating Higher Education Providers and is stated in Memorandum of Agreement.

8.5 Penyerahan Tesis Akhir *Submission of Final Thesis*

- 8.5.1 Seseorang calon hendaklah menyerahkan dua (2) salinan berkulit keras dan satu (1) salinan lembut tesis akhir kepada pusat pengajian siswazah dengan kadar yang segera tertakluk kepada Peraturan 8.1 dan Peraturan 8.3.5(1), Peraturan 8.3.6(1) atau Peraturan 8.3.7.

A candidate shall submit two (2) copies of hard-bound and one (1) soft-copy of their final thesis to the Centre for Postgraduate Studies as soon as possible. It is subject to Regulation 8.1 and Regulation 8.3.5(1), Regulation 8.3.6(1), or Regulation 8.3.7.

- 8.5.2 Entiti akademik hendaklah memaklum dan menyerahkan satu (1) salinan tesis akhir kepada Pusat Pengajian Siswazah tidak lewat daripada satu (1) minggu dari tarikh penyerahan tesis akhir [Peraturan 8.5.1] bagi proses pengijazahan.

The academic entity shall notify and submit one (1) copy of the final thesis to the Centre for Postgraduate Studies not later than one (1) week from the date of the final thesis submission [Regulation 8.5.1] for the graduation process.


- 8.5.3 Tesis hendaklah menjadi hak milik Universiti. Jika perlu, permohonan pemindahan hak cipta daripada Universiti kepada calon hendaklah dibuat secara bertulis kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Jika permohonan ditolak, tesis hendaklah kekal dalam hak milik Universiti.

The thesis shall belong to the University. If necessary, an application for transfer of copyright

from the University to the individual candidate shall be made in writing to the Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation). If the application is rejected, the thesis shall remain the ownership of the University.

- 8.5.4 Seseorang calon yang mengambil Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda hendaklah menyerahkan tesis akhir tertakluk kepada peraturan Badan Berkuasa dan/ atau hendaklah dipersetujui oleh Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi dan dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian.

A candidate undertaking a Joint/ Dual/ Double Degree shall submit their final thesis, subject to regulations of the Authorised Body, and/ or shall be agreed upon by collaborating Higher Education Providers and stated in the Memorandum of Agreement.





9.0 PENGIJAZAHAN *GRADUATION*

9.1 Keperluan Pengijazahan *Graduation Requirements*

9.1.1 Seseorang calon hendaklah bergraduat atau dianugerahkan Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran, jika beliau:

A candidate shall graduate or be awarded a Master's or a Doctoral Degree, if he has:

- (a) menyerahkan tesis akhir [Peraturan 8.5.1];
submitted final thesis [Regulation 8.5.1];
- (b) membayar semua yuran yang ditetapkan dan/ atau hutang tertunggak; dan
paid all the specified fees and/ or outstanding debts; and

- (c) menunjukkan bukti penerbitan artikel atau penerimaan artikel untuk penerbitan yang dihasilkan daripada tesis seperti yang ditetapkan dalam Jadual 7; dan
shown proof of articles drawn from thesis being published or accepted for publication as prescribed in Table 7; and
- (d) mematuhi semua keperluan atau syarat dalam Peraturan ini dan Universiti.
adhered to all requirements or conditions in this Regulation and of the University's.

Jadual/Table 7: Keperluan Penerbitan Mengikut Ijazah
Publication Requirements by Degree

Perkara <i>Particular</i>	Ijazah Sarjana <i>Master's Degree</i>	Ijazah Kedoktoran <i>Doctoral Degree</i>
Sains dan Teknologi/ Sains Sosial <i>Science and Technology/ Social Science</i>	Sekurang-kurangnya satu (1) bentuk penulisan yang diterbitkan atau diterima untuk diterbitkan dalam penerbitan berindeks Scopus/ WOS/ MyCite. <i>At least one (1) form of writing published or accepted to be published in Scopus/ WOS/ MyCite-indexed publications.</i>	Sekurang-kurangnya dua (2) bentuk penulisan yang diterbitkan atau diterima untuk diterbitkan dalam penerbitan berindeks Scopus/ WOS/ MyCite. <i>At least two (2) forms of writing published or accepted to be published in Scopus/ WOS/ MyCite-indexed publications.</i>

<p>Kepengarangan <i>Authorship</i></p>	<p>Pelajar menjadi pengarang pertama (<i>first author</i>) manakala penyelia utama bertindak sebagai <i>corresponding author</i>. <i>The student shall be the first author, and the main supervisor shall serve as the corresponding author.</i></p>
<p>Topik penerbitan <i>Topic of publication</i></p>	<p>Penerbitan yang diterima hendaklah berkaitan dan menepati penyelidikan semasa calon dalam tesisnya. <i>Accepted publications are related and conforming to the candidate's current thesis research.</i></p>
<p>Afiliasi <i>Affiliation</i></p>	<p>Artikel yang diterima atau diterbitkan hendaklah membawa nama Universiti. <i>Articles accepted or published shall carry the University's name.</i></p>
<p>Jurnal disenaraihitam <i>Blacklisted journals</i></p>	<p>Penerbitan dalam jurnal berikut TIDAK diterima: <i>Publications in the following journals are NOT accepted:</i></p> <ul style="list-style-type: none">● Senarai penerbit jurnal yang disenarai hitamkan oleh Badan Berkuasa. <i>List of blacklisted journal publishers by the Authorised Body.</i>● Penerbit Pemangsa mengikut Senarai Beall. <i>Beall's List of Predatory Publishers.</i>

9.1.2 Seseorang calon hendaklah bergraduat atau dianugerahkan Ijazah Sarjana atau Kedoktoran dengan Kepujian, jika:

A candidate shall graduate or be awarded a Master's or a Doctoral Degree with Distinction, if they have:

- (a) memenuhi Peraturan 9.1.1;
fulfilled Regulation 9.1.1;
- (b) tidak pernah mengulang atau gagal mana-mana kursus sepanjang tempoh pencalonan (jika berkenaan);
never repeated or failed any courses throughout their candidature period (if applicable);
- (c) mendapat syor “Lulus dengan Kepujian” seperti dalam Peraturan 8.3.5(1)(a) dan Peraturan 8.4.3;
obtained recommendation for “Pass with Distinction” as in Regulation 8.3.5(1)(a) and Regulation 8.4.3;
- (d) menghadiri atau lulus kursus yang diperlukan oleh program pengajian; dan
attended or passed courses required by the study programme; and
- (e) memenuhi kriteria Graduasi Tepat Masa Pengambilan
met the criteria of Intake Graduation on Time.

- 9.1.3 Selepas memenuhi Peraturan 9.1.1, Peraturan 9.1.2 atau Peraturan 9.1.5 (jika berkenaan), Pusat Pengajian Siswazah hendaklah mendapatkan pengesahan Senat bagi tujuan penganugerahan ijazah kepada seseorang calon.

Upon the fulfilment of Regulation 9.1.1, Regulation 9.1.2, or Regulation 9.1.5 (if applicable), the Centre for Postgraduate Studies shall request an endorsement from the Senate for the award of a degree to the candidate.

- 9.1.4 Anugerah anumerta/ aegrotat hendaklah dipertimbangkan kepada seseorang calon tertakluk kepada kelulusan Senat.

A posthumous/ aegrotat award shall be considered for a candidate and is subject to the Senate approval.

- 9.1.5 Keperluan pengijazahan bagi Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda hendaklah mematuhi peraturan Badan Berkuasa dan/ atau hendaklah dipersetujui oleh Pemberi Pendidikan Tinggi yang berkolaborasi dan dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian.

Graduation requirements for the Joint/ Dual/ Double Degree Programme shall abide by the regulations of the Authorised Body and/ or shall be agreed upon by collaborating Higher Education Providers and as stated in the Memorandum of Agreement.



9.2 Skrol dan Transkrip Scroll and Transcript

- 9.2.1 Sesebuah skrol hendaklah mengandungi nama pemberi anugerah, nama seseorang calon, nama program yang diluluskan oleh Badan Berkuasa, tarikh penganugerahan dan maklumat lain yang diluluskan oleh Senat.

A scroll shall contain the name of the awardee, name of the candidate, name of the programme as approved by the Authorised Body, date of conferment, and other information as approved by the Senate.

- 9.2.2 Sesebuah transkrip hendaklah mengandungi nama pemberi anugerah; nama seseorang calon; nama program, bidang dan kursus (jika ada) yang diluluskan oleh Badan Berkuasa; dan maklumat lain yang diluluskan oleh Senat.

A transcript shall contain the name of awardee; name of the candidate; name of programme, fields

and courses (if any) as approved by the Authorised Body; and other information as approved by the Senate.

- 9.2.3 Keperluan skrol dan transkrip bagi Program Ijazah Bersama/ Dual/ Berganda hendaklah mematuhi peraturan Badan Berkuasa dan/ atau hendaklah dipersetujui oleh Pemberi Pengajian Tinggi yang berkolaborasi dan dinyatakan dalam Memorandum Perjanjian.

Scroll and transcript requirements for the Joint/Dual/Double Degree Programme shall abide by the regulations of the Authorised Body and/or shall be agreed upon by the collaborating Higher Education Providers, as stated in the Memorandum of Agreement.



10.0 KENYATAAN UMUM *GENERAL STATEMENT*

10.1 **Pemakaian** *Application*

10.1.1 Peraturan Akademik ini hanya terpakai dan berkuat kuasa ke atas pelajar baharu mulai Semester September, Sesi Akademik 2025/2026 dan tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

This Academic Regulation shall be applicable and taking effect on new students commencing from September Semester, Academic Session of 2025/2026, and is subject to amendments from time to time.

- 10.1.2 Seseorang pelajar hendaklah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti 2010, statut, atau peraturan yang sedang terpakai di Universiti.

A student shall be subject to the Universities and University Colleges Act 1971, the Constitution of the University 2010, statute, or regulations currently applicable at the University.

10.2 Penafian *Disclaimer*

- 10.2.1 Ketepatan dan kekinian maklumat yang terkandung dalam dokumen ini adalah benar pada tarikh penerbitan. Bagaimanapun, Senat mempunyai kuasa untuk membuat, memansuhkan atau meminda mana-mana peraturan yang mengawal Program Ijazah seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan ini. Sebarang peraturan baharu, pemansuhan atau pindaan kepada peraturan tersebut hendaklah dimaklumkan kepada calon berkenaan sebelum sesi akademik yang baharu bermula.

The accuracy and currency of the information presented herein is correct at the date of publication. However, the Senate reserves the right to make, repeal, or amend any regulations governing the Degree Programme as provisioned under these Regulations. Any new regulations, nullifications, or amendments to the said regulations shall be informed to the respective candidate before the commencement of the new academic session.

Walau apapun yang dinyatakan dalam Peraturan ini, Senat mempunyai hak untuk mengecualikan pemakaian Peraturan ini atau mana-mana peruntukan Peraturan ini kepada mana-mana Program Ijazah Universiti.

Notwithstanding anything that is stated in this Regulation, the Senate has the right to exempt the application of these Regulations or any provisions of these Regulations to any Degree Programme of the University.

- 10.2.2 Sekiranya mana-mana peruntukan atau kenyataan dalam Peraturan ini bercanggah dengan mana-mana dasar akademik atau peraturan Badan Berkuasa, maka perkara yang terkemudian hendaklah mengatasi perkara yang pertama.

Should any provision or statement in this Regulation contradict any academic policies or regulations of the Authorised Body, the later shall prevail over the first.

Rujukan *References*

Academic Rules & Regulations, Centre for Postgraduate Studies,
Universiti Malaysia Kelantan (Research Mode), Version 3, 2013.

Academic Regulations of Graduate Studies, Universiti Malaysia Kelantan:
Masters and Doctorate Programmes, 2017.

Advisory Note No. 6/2021: Panduan Pelaksanaan Kursus Prasyarat Bagi
Calon Pelajar Bukan Dalam Bidang Berdasarkan Keperluan Dalam
Standard: Ijazah Sarjana Dan Kedoktoran Edisi Kedua, Agensi
Kelayakan Malaysia, 24 Ogos 2021.

Garis Panduan Pelaksanaan Program Ijazah Bersama (Joint Degree),
Ijazah Dua (Dual Degree) dan Ijazah Berganda (Double Degree) di
Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT), Kementerian Pengajian Tinggi,
10 Jun 2020.

Enhancing Academic Productivity and Cost Efficiency: University
Transformation Programme, Silver Book, Ministry of Higher
Education, Kuala Lumpur, Second Printing, 2017.

Standards: Master's and Doctoral Degree, Second Edition, Malaysia
Qualifications Agency (MQA), 2021.

Surat Pekeliling Bendahari Bil. 6/2018. Peraturan Pengurusan Kewangan
Pelajar Universiti Malaysia Kelantan.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Jawatankuasa Semakan Buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah 2025 atas komitmen, kerjasama, dan dedikasi yang telah diberikan sepanjang proses semakan dan penambahbaikan dokumen ini. Sumbangan idea serta pandangan bernas daripada ahli jawatankuasa amatlah dihargai dalam memastikan kesempurnaan dan keberkesanan buku peraturan ini sebagai rujukan utama kepada warga siswazah.

Jawatankuasa Semakan Buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah Secara Penyelidikan, Universiti Malaysia Kelantan 2025

PENASIHAT

YBrs. Prof. Dr. Huzili bin Hussin
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

PENGERUSI

Prof. Madya Dr. Noor Azlina Binti Ibrahim
Dekan, Pusat Pengajian Siswazah

TIMBALAN PENERUSI/ KETUA PENYUNTING

Dr. Nurul Hafizah Binti Mohd Yasin
Timbalan Dekan, Pusat Pengajian Siswazah

URUSETIA

- Puan Rosmira binti Ayub
- Puan Kho Siew Leen
- Encik Affendi bin Mat Yacob
- Puan Che Rosidah binti Che Daud
- Encik Adhwa Saffwan bin Abd Azis
- Cik Nur Sarah Adriana binti Muhammad Fahmi

PENYUNTING BERSAMA

Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

- Prof. Madya Ts. Dr. Zailani Bin Abdullah
- Prof. Madya Dr. Wan Farha Binti Wan Zulkifli

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

- Prof. Madya Dr. Raja Iskandar bin Raja Halid
- Prof. Madya Ts. Dr. Khairul Azhar bin Mat Daud

Fakulti Perubatan Veterinar

- Prof. Madya Dr. Mohd Farhan Hanif Bin Reduan
- Prof. Madya Dr. Choong Siew Shean

Fakulti Industri Asas Tani

- Prof. Madya Dr. Seri Intan Binti Mokhtar
- ChM. Dr. Syed Muhammad Al-Amsyar Bin Syed Abd.Kadir

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan

- Prof. Mayda Dr. Kamarulzaman bin Abd Ghani
- Dr. Wan Ab Aziz bin Wan Daud

Fakulti Sains Data dan Komputeran

- Prof. Madya Ts. Dr. Hasyiya Karimah Binti Adli
- Ts. Dr. Hadhrami Bin Ab Ghani

Fakulti Sains Bumi

- Prof. Madya Dr. Zulhazman bin Hamzah
- Prof. Madya Gs. Dr. Wani Sofia binti Udin

Fakulti Hospitaliti, Kesejahteraan dan Pelancongan

- Prof. Madya Dr. Mohd Fadil bin Mohd Yusof
- Dr. Nor Syuhada binti Zulkefli

Fakulti Senibina dan Ekistik

- Prof. Madya Sr. Dr. Mohd Hanizun bin Hanafi
- Dr. Wan Saiful Nizam Bin Wan Mohamad

Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi

- Prof. Madya Dr. Sarizam bin Mamat
- Ts. Dr. Ainihayati Binti Abdul Rahim

Pusat Pengurusan Kualiti

- Prof. Madya Dr. Noorul Azwin Md Nasir
- Prof. Madya Ts. Dr. Hasnita Che Harun



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PUSAT PENGAJIAN PASCASISWAZAH
CENTRE FOR POSTGRADUATE STUDIES

Universiti Malaysia Kelantan
16100 Kampus Kota
Kelantan

Tel +609-7717145/ 7049
Faks: +609-7717162
Email: siswazah@umk.edu.my

KEUSAHAWANAN TERAS KAMI • *ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST*

